



SIRI JEJAK SEJARAH

MENJELAJAH JELAPANG PADI

Diselenggarakan oleh:
FAUZIAH ABD RALIP

© PUSTAKA CITA TINGGI

PUSTAKA CITA TINGGI

No. 32, Jalan PBS 14/8,
Tmn Perindustrian Bkt Serdang,
43300 Seri Kembangan,
Selangor Darul Ehsan.
Tel : 03-89458505
Fax : 03-89458510

*Semua
hak cipta terpelihara.
Sebarang bahagian dalam
buku ini tidak boleh diterbitkan semula,
disimpan dalam cara yang boleh dipergunakan
lagi atau diubahsuai dalam sebarang bentuk atau cara,
sama ada cara elektronik, mekanikal, penggambaran
semula, perakaman atau sebaliknya tanpa
mendapat kebenaran terlebih dahulu
daripada penerbit.*

© **PUSTAKA CITA TINGGI**
Cetakan Pertama 2002

ISBN SIRI 983-023-324-3
ISBN 983-023-330-8

M
959.5112
MEN

M
1056122

20 MAR 2002



◀ Sebuah rumah masyarakat Melayu tepian sawah yang terdapat di Negeri Kedah

NEGERI Kedah Darul Aman yang terkenal juga dengan warna Hijau Kuningnya terutama kala musim bola sepak, merupakan sebuah negeri yang indah, aman dan makmur. Penduduknya terdiri dari pelbagai bangsa seperti Melayu, Cina, India, Siam, Jawa dan campuran pelbagai lagi etnik. Bahasa pertuturan warganya juga agak berbeza jika dibandingkan dengan penduduk di negeri-negeri yang lain di Semenanjung Malaysia.

Lokasi : Negeri Kedah terletak di utara Semenanjung Malaysia, bersempadan dengan negara Thailand, Perlis, Pulau Pinang dan juga Perak. Salah sebuah pulau yang terkenal di Kedah ialah Pulau Langkawi. Pulau ini merupakan satu kawasan tarikan pelancong yang terkenal. Suatu ketika dahulu pulau ini sekadar sebuah pulau yang terpencil tetapi kini sudah menjadi sebuah pulau pelancongan yang tersohor ke serata dunia. Pelbagai aktiviti antarabangsa telah diadakan di pulau ini menyebabkan Pulau Langkawi yang terkenal dengan Legenda Mahsurinya menjadi sebuah pulau tumpuan pelbagai bangsa dari seluruh pelosok dunia.

Bendera Negeri : Bendera negeri memaparkan bulan sabit berwarna hijau di bawah perisai kuning dan dilingkungi oleh jambangan padi berwarna kuning di atas latar belakang merah. Merah adalah warna tradisional negeri dan juga melambangkan kemewahan, sementara

Membanting padi merupakan aktiviti biasa yang boleh dilihat di Negeri Kedah terutama ketika musim padi sedang dituai

bulan sabit adalah simbol agama Islam. Perisai melambangkan sultan negeri sebagai pelindung dan penjaga rakyatnya.

Lambang : Jambangan yang terdiri daripada biji padi melambangkan komoditi pertanian utama negeri - beras. Bulan sabit melambangkan Islam sementara perisai melambangkan kekuasaan pemerintah.



Lagu Negeri

*Allah selamat Sultan Mahkota
Berpanjangan usia di atas Takhta,
Memelibara ugama Nabi kita,
Negeri Kedah serata-rata*

Ketua Negeri

Negeri Kedah Darul Aman adalah sebuah negeri yang diperintah oleh Raja Berpelembagaan. Negeri makmur ini diterajui oleh Sultan iaitu Duli Yang Maha Mulia Al Sultan Almu'tasimu Billahi Muhibbuddin Tuanku Alhaj Abdul Halim Mu'adzam Shah ibni Al-Marhum Sultan Badlishah. D.K., D.K.H., D.K.M., D.U.K, D.K (Kelantan), D.K. (Pahang), D.K. (Selangor), D.K. (Perlis), D.K. (Negeri Sembilan), D.K. (Johor), D.K. (Terengganu), D.K. (Perak), D.K. (Sarawak), D.U.N.M., S.P.M.K., S.S.D.K., D.H.M.S.

Kerajaan : Ahli Majlis Mesyuarat Negeri (EXCO) negeri Kedah Darul Aman diketuai oleh Menteri Besar.

Menteri Besar : Menteri Besar Kedah Darul Aman sekarang (2001) ialah Yang Amat Berhormat Dato' Seri Syed Razak Bin Haji Syed Zain, SSDK., DSDK., KMN., BKM., JP.

Agama : Walaupun agama rasmi adalah Islam, tetapi agama-agama lain bebas dianuti oleh penduduk negeri yang pelbagai bangsa termasuk Buddha, Tao, Hindu dan Kristian. Kebebasan beragama yang diamalkan di Negeri Jelapang Padi ini adalah dijamin di bawah Perlembagaan Persekutuan.

Daerah : Negeri Kedah Darul Aman mempunyai sebelas buah daerah. Daerah-daerah tersebut terdiri daripada daerah Baling, Bandar Baharu, Kota Setar, Kuala Muda, Kubang Pasu, Kulim, Pulau Langkawi, Padang Terap, Pendang, Sik, Yan dan daerah kecil Pokok Sena.

Ibu Negeri : Ibu Negeri Kedah Darul Aman ialah Alor Setar. Ibu negeri Kedah yang cantik dan bersih ini dan yang dianggap bandar kedua tertua di Malaysia selepas Melaka, menyambut ulang tahunnya yang ke 258 tahun pada tahun lalu. Sebagai ibu negeri, Alor Setar sentiasa menyambut kedatangan pengunjung dengan tarikan-tarikannya yang tersendiri.


Banyak tempat yang menjadi daya tarikan para pelancong terdapat di bandar bersejarah ini, antaranya ialah masjid negeri serta bangunan bersejarah seperti Balai Nobat, Masjid Zahir, Muzium Diraja, Balai Besar dan sebagainya. Masjid negeri iaitu Masjid Zahir adalah salah sebuah bangunan yang terindah di negeri Kedah dan terkenal kerana kubahnya yang direka begitu menarik sekali.

Menurut catatan sejarah negara, Masjid Zahir ini telah dibina pada tahun 1912 dan seperti kebanyakan masjid-masjid di negara ini, Masjid Zahir juga direka bentuk dengan seni bina Moorish. Keindahan dan keunikan seni binanya begitu mengkagumkan sehinggakan ianya telah dikatakan menjadi daya tarikan utama para pelancong untuk melawat Alor Setar.

Di sekitar Masjid Zahir terdapat beberapa buah lagi monumen sejarah yang unik lagi menawan mata memandang. Berdiri berhadapan dengan masjid ini ialah Balai Besar iaitu tempat berlangsungnya majlis rasmi diraja dan negeri yang dibina mengikut seni bina Thai pada tahun 1898. Sebuah lagi monumen sejarah yang unik ialah Balai Nobat. Menurut catatan sejarah, Balai Nobat merupakan sebuah dewan yang



Masjid Zahir dan keunikan reka bentuk dalamannya menjadi daya tarikan ramai pelancong baik dalam mahupun luar negeri.



menjadi tempat berlangsungnya majlis okestra muzik klasik nobat untuk kerabat Diraja Kedah.

Selain dari monumen sejarah purba, terdapat juga mencu tanda moden yang didirikan di bandar Alor Setar ini. Salah satunya yang turut juga menjadi daya tarikan utama di Alor Setar ialah sebuah menara setinggi 165 meter iaitu Menara Alor Setar. Menara ini dikatakan menjadi mercu tanda terkini bandar tersebut.

Selain berfungsi sebagai pusat telekomunikasi bagi kawasan utara Semenanjung Malaysia, Menara Alor Setar juga merupakan sebuah destinasi pelancongan yang menyediakan pelantar pemandangan di bahagian atasnya bagi pengunjung menikmati keindahan hampir keseluruhan bandar Alor Setar.

Iklm : Seperti negeri-negeri yang lain di Malaysia, Negeri Kedah Darul Aman juga mengalami iklim Khatulistiwa iaitu panas dan lembab sepanjang tahun. Suhu di antara 21°C hingga 31°C. Hujan tahunan di antara 2,000 mm - 2,500 mm, dengan hujan kebiasaannya turun pada waktu tengah hari.

Budaya : Budaya merupakan lambang sesuatu bangsa dan tamadun. Kepelbagaian dan kosmopolitan budaya yang terdapat di Negeri Kedah Darul Aman ini melambangkan masyarakat Malaysia yang majmuk. Ia merangkumi elemen-elemen budaya Melayu, Cina, India dan Thai meliputi tarian, muzik, seni bina, tulisan, kraftangan dan sebagainya.

Makanan : Makanan juga lebih kurang sama dengan negeri-negeri yang lain di Malaysia. Seperti kebiasaannya di Malaysia, Negeri Kedah Darul Aman adalah idaman bagi penggemar makanan, dengan makanan Melayu, Cina, India, Thai dan Barat yang boleh didapati di dalam beraneka selera.

Reputasi : Negeri Kedah Darul Aman adalah negeri asal dua orang negarawan ulung negara iaitu Perdana Menteri Malaysia. Perdana Menteri Malaysia yang berasal dari negeri ini ialah Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad iaitu Perdana Menteri sekarang, dan seorang lagi ialah Allahyarham Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj, Perdana Menteri Malaysia yang pertama. Negeri Kedah Darul Aman juga dikenali sebagai 'Jelapang Padi Malaysia' memandangkan ia adalah negeri pengeluar beras terbesar di Malaysia.

Pelabuhan Utama : Pelabuhan Pulau Pinang (Negeri Pulau Pinang), Kuala Kedah dan Telok Ewa Langkawi.

Sesungguhnya, sejarah telah mencatatkan bahawa Malaysia kaya dengan sejarah, berpengaruh di dalam budaya utama dunia. Negeri Kedah Darul Aman juga boleh berbangga sebagai negeri tertua di negara ini, dengan salasilah keluarga diraja mereka dapat dikesan semenjak 100 TM. Menurut catatan sejarah, pemerintah Islam Kedah yang pertama adalah Sultan Al-Muzaffar Shah I yang memerintah dari tahun 1136 hingga tahun 1179. Selain dari itu, negeri ini juga kaya dengan tapak arkeologi yang berasal dari era Hindu-Buddha di dalam sejarah Malaysia.

Bukti-bukti sejarah yang telah ditemui menunjukkan bahawa Negeri Kedah Darul Aman adalah sebuah negeri yang tertua di negara ini. Menurut catatan sejarah, sejarah di negeri ini telah berkembang seawal-awalnya abad ke-13, dan bersama-sama dengan Patani yang amat diidam-idamkan oleh Siam. Ia juga sebuah pusat Islam dan sebuah pelabuhan dakwah bagi pedagang Arab dan Parsi.

Hakikat ini telah ditandai oleh Dato Sir Roland Braddell yang telah menyatakan dalam tulisannya yang terkenal iaitu *Most Ancient Kedah* bahawa Kedah mempunyai dakwaan yang betul dan tidak boleh dicabar yang ia merupakan negeri tertua dalam Persekutuan Malaya (sekarang Malaysia). Ini akan memerlukan sebuah buku untuk membincangkan dengan lengkap semua bukti atas dakwaan tersebut.

Sejarah telah mencatatkan bahawa Negeri Kedah Darul Aman di sepanjang abad ke-13 adalah sebuah negeri yang berdaulat dan mempunyai pelabuhannya yang terkenal. Pelabuhan tersebut terletak di Sungai Bujang. Kendatipun begitu, malangnya ahli-ahli sejarah tidak dapat mengesan dalam satu cara yang memuaskan tentang sejarah Kedah dan hubungannya dengan jiran-jirannya yakni Siam (sekarang Thailand) dan Patani yakni bekas Kesultanan Melayu Patani:

- ◆ Pada tahun 1791 Patani ditakluki oleh Siam dan namanya ditukar kepada Changwat Pattani.

Sepertimana Sungai Bujang yang memberikan kepada Kedah kemasyhuran purbanya sebagai pelabuhan di Lautan Hindi, demikian juga Sungai Patani (dengan kualanya seluas sebuah teluk dan dalam pula) di Laut China Selatan. Bahagian atasnya menjangkau Sungai Patani berhampiran dengan Empangan Muda.

Suatu ketika dahulu Sungai Patani adalah merupakan satu jalan perdagangan purba dari Patani di pantai timur sehingga ke Sungai Bujang di pantai barat. Jalan ini dikenali sebagai penarikan. Jalan ini kemudian dilupakan apabila jalan laluan darat dari Kedah ke Singora (Songkla) dibina. Tetapi di sepanjang abad ke-14, sejarah Kedah dibayangi oleh Siam yang mula mengumpulkan kuasa dan kekuatan politik dan meluaskan kerajaannya. Siam menganggap Kedah dan Patani sebagai naungannya (*vassal*).

Sejarah seterusnya telah mencatatkan bahawa sepanjang abad ke-15, Kedah dan Patani telah dianggap sebagai sebuah pusat Islam di kawasan ini dan tempat dakwah bagi orang Arab dan Parsi. Pendakwah-pendakwah tersebut telah datang untuk berdagang dan mengajar serta menyebarkan ajaran agama Islam.

Menurut riwayat, di sepanjang masa ini Kedah adalah sebuah negeri yang luas yang menjangkau dari selatan lembangan Sungai Trang di utara sehingga ke lembangan Sungai Kurau di selatan. Sejarah telah mencatatkan bahawa Chenak (Chana) juga adalah sebahagian daripada Kedah. Ini ditandai oleh Sungai Thepa di mana ianya menandakan sempadan antara Kedah dan Patani.

Bukti-bukti tentang hakikat ini dapat dilihat dengan jelas melalui sebuah sumber maklumat. Sumber maklumat yang dimaksudkan ini ialah Perjanjian Keamanan dan Persahabatan atau *The Treaty of Peace and*

Friendship. Sejarah telah mencatatkan bahawa perjanjian ini ditandatangani pada 1 Mei tahun 1791 oleh Tunku Sheriff Mohamad, Tunku Alang Ibrahim dan Dato Penggawa Telibone. Dengan melihat peta, Pulau Telibong (sekarang dieja dengan betul sebagai Telibon adalah bertentangan dengan Trang).

Sejarah seterusnya telah mencatatkan bahawa pada pertengahan abad ke-18, Britain dan Perancis telah meluaskan sfera pengaruh mereka di Asia Tenggara. Kapten Francis Light bagi pihak Syarikat Hindia Timur atau The East India Company telah mendapat pelepasan Pulau Pinang daripada Sultan Kedah pada tahun 1786.

Pada suatu ketika yakni selepas 14 tahun kemudiannya, George Leith telah berunding untuk mendapatkan pelepasan sejalan wilayah yang bertentangan dengan Pulau Pinang yang dikenali sebagai Province Wellesley. Demikian dimasukkan ke dalam Perjanjian Keamanan, Persahabatan dan Perikatan pada tahun 1800. Syarikat Hindia Timur dikatakan telah membayar sewa tahunan sebanyak \$10,000 yakni \$6,000 untuk Pulau Pinang dan \$4,000 lagi untuk Province Wellesley.

Menurut catatan sejarah seterusnya, Siam telah menuntut kekuasaannya atau *suzerainty* ke atas negeri Kedah tetapi baginda Sultan enggan mengakuinya. Seorang Inggeris telah menyatakan bahawa, "Adalah tidak nampak sama ada melalui tulisan atau tradisi yang Kedah telah diperintah oleh undang-undang atau adat Siam."

Pada tahun 1821, Siam telah berjaya menjajah Kedah tetapi Inggeris menolak untuk membantu Kedah walaupun pada hakikatnya mereka terikat untuk berbuat demikian. Ini adalah kerana mereka telah membuat perjanjian dengan Sultan Kedah. Sejarah telah mencatatkan bahawa Siam telah menduduki Kedah sehingga tahun 1841.

Di sepanjang jangka masa ini dua perang utama untuk menghalang pendudukan Siam telah dilakukan iaitu pada tahun 1831 oleh Tunku Kudin (nama sebenarnya ialah Syed Zainal Abidin) dan pada tahun 1839 oleh Tunku Mohammad Saad. Tunku Mohammad Saad telah mengusir Siam keluar dari Kedah sehingga melepasi Singora (Songkhla). Tentera baginda juga telah berjaya menduduki Patani. Sejarah telah mencatatkan bahawa orang-orang Eropah yang berkedudukan tinggi atau *gentry* di Pulau Pinang telah menolong baginda dengan menyediakan senjata dan bekalan.

Sementara itu Kerajaan Negeri Selat telah memberi bantuan kepada Siam dan Siam berjaya memperolehi semula Kedah. Selepas ini Kerajaan Negeri Selat berunding dengan Siam untuk pemulihan atau *restoration* Kedah kepada Sultan yang kemudian disingkirkan ke Melaka di bawah Perjanjian Burney 1826. Burney dikatakan mempunyai sikap yang negatif terhadap Kedah. Sultan Ahmad Tajuddin Halim Shah II dipulihkan takhtanya pada Jun 1842 dan mangkat pada 1 Januari 1845.

Sesungguhnya tidak dapat dinafikan bahawa Negeri Kedah Darul Aman adalah sebuah negeri yang kaya dengan keaslian semula jadi. Negeri ini dikelilingi dengan kehijauan padi terutama apabila kehadiran musim penanaman dan kuning keemasan tatkala tibanya musim menuai. Selain dari itu, Negeri Kedah Darul Aman, periuk nasi Malaysia merupakan sebuah negeri yang juga kaya dengan keindahan panoramanya. Kedah adalah salah sebuah negeri yang tertua di Malaysia, mempunyai populasi lebih kurang 1.5 juta orang penduduk. Ia mempunyai banyak tinggalan sejarahnya untuk dikenang oleh generasi muda sekarang dan yang akan datang.

Sebagaimana yang telah dijelaskan bahawa pakar kaji sejarah telah mengenal pasti Kedah sebagai salah sebuah negeri yang tertua di Asia Tenggara di mana kesan peradaban semenjak 4 Sebelum Masehi di Lembah Bujang telah ditemui. Kedudukan geografinya yang strategik telah menjadikan ia sebagai tempat persinggahan para pedagang yang mengembara di antara China ke India sementara menunggu pertukaran angin monsun. Antara pengembara yang terkenal ialah I-T-Shing. Menurut catatan sejarah, I-T-Shing ialah seorang sami Buddha daripada China yang singgah di Kedah pada tahun 671 Sebelum Masehi.

Selain dari itu, ahli kaji purba juga telah menemui kesan tinggalan tamadun Hindu di Lembah Bujang iaitu penemuan lebih daripada 50 buah candi. Kesan-kesan peninggalan ini kekal sehingga ke hari ini dan ianya boleh dilawati di Muzium Arkeologi Lembah Bujang. Menurut catatan sejarah seterusnya, Kesultanan Kedah pula bermula di Bukit Meriam yang terletak di dalam daerah Kuala Muda.

Sejarah negara telah mencatatkan bahawa Maharaja Derbar Raja II merupakan maharaja pertama yang menukar agama asalnya daripada Hindu kepada Islam dengan menggunakan nama Sultan Muzaffar Shah. Baginda telah diwujudkan memerintah Negeri Kedah daripada tahun 1136 Sebelum Masehi sehingga ke tahun 1179 Sebelum Masehi dan disemadikan di Kampung Langgar, Mukim Bujang. Daripada,

Sultan Muzaffar (1136 SM). sehinggalah kini (1998) terdapat 27 orang sultan yang pernah memerintah Kedah dan sebelum Sultan Muzaffar Shah, Kedah diperintah oleh 8 orang maharaja. Ini menunjukkan yang kesultanan Kedah merupakan salah satu kesultanan yang paling tua dalam rantau ini.

Di samping peninggalan sejarah, Negeri Kedah Darul Aman juga terkenal dengan keindahan alam semula jadinya. Jika anda mengidamkan percutian yang jauh daripada kesibukan ibu kota, Tasik Pedu yang terletak 90 km daripada Alor Setar sedia menanti kehadiran anda. Di sini terdapat rumah rehat dan pelbagai aktiviti seperti memancing, pengembara dalam hutan, memikat burung, perkhemahan dan bersiar-siar di dalam hutan belantara, sedia untuk diatur pada bila-bila masa.

Sementara di Air Terjun Bukit Hijau di daerah Baling, anda boleh merasai kesejukan dan kebersihan semula jadi air yang mengalir tenang merentasi hutan. Anda boleh membawa sekeluarga untuk berkelah terutama pada musim cuti hujung minggu atau pada hari-hari kelepasan am. Suasana di sini sungguh aman, tenteram, dingin, segar dan amat harmoni. Sekiranya anda dilanda ketegangan fikiran yang kacau, di sini menjanjikan ketenangan yang anda inginkan.

Sebaliknya, jika anda ingin menikmati suasana yang lebih tinggi di samping melihat keindahan alam semula jadi, kehijauan sawah padi yang terbentang luas dan juga mengecapi angin sejuk segar, anda boleh memandu sehingga ke puncak Gunung Jerai atau memanjat Tangga Kenari 1000 Tahun di Yan. Di kedua-dua tempat ini anda boleh juga menikmati panorama alam semula jadi yang indah, segar dan nyaman mata memandang.

Namun begitu, jika anda lebih ingin menikmati suasana pulau-pulau peranginan, Negeri Kedah Darul Aman tetap menjanjikan yang terbaik. Pulau Langkawi merupakan pulau yang dimaksudkan.

Pulau Langkawi terdiri daripada 99 buah pulau tropika yang terhampar sepanjang pantai Negeri Kedah Darul Aman. Jaraknya kira-kira 51 km daripada Kuala Kedah. Sebagaimana yang sudah tercatat dalam sejarah bahawa Pulau Langkawi kaya dengan kisah legendanya yang tersendiri iaitu Kisah Mahsuri Berdarah Putih.

Lantaran itu dikatakan bahawa Pulau Langkawi ini kaya dengan kepercayaan karut dan legenda. Antaranya ialah legenda burung garuda, kegagahan panglima dan kecantikan puteri, peperangan dan percin-

taan. Sejarah telah mencatatkan bahawa seorang pengembara dari Negeri China yang bernama Cheng Hoe semasa pengembaraannya ke Melaka pada tahun 1406 telah merekodkan Pulau Langkawi di dalam petanya sebagai Lung-Ya-Kiao-Yi. Sementara itu, peta pada abad ke 16 telah menerangkan Pulau Langkawi dengan pelbagai nama seperti Langka, Langu, Langura Langga dan Langapura. Dengan sejarah geologinya yang berusia lebih daripada 500 juta tahun, pulau ini terdiri daripada batu-batan yang unik dan asli.

Keaslian pantai di sekitar pulau-pulau yang terdapat di Langkawi menjanjikan suasana tenang dan istirehat yang damai lagi menyegarkan. Air yang bersih dan jernih sekeliling pulau memberi peluang kepada sukan air dan rekreasi serta keajaiban dunia marin. Di samping keaslian hutan, bukit-bukau, keasyikan air terjun dan kesuraman gua menambahkan lagi keunikan pulau-pulau yang terdapat di sini.

Sesungguhnya, kelestarian, keaslian dan keunikan inilah yang merupakan daya tarikan utama pelancong berpusu-pusu datang ke Pulau Langkawi. Fakta telah mencatatkan bahawa Pulau Langkawi menjadi destinasi pelancongan yang popular dengan 2 juta orang pelancong tiba setiap tahun. Sekiranya anda ingin datang ke pulau legenda ini, anda boleh menaiki feri dari Kuala Kedah, Kedah atau Kuala Perlis, Perlis. Kebanyakan perkhidmatan feri bermula dari jam 8.30 pagi sehingga 6.00 petang termasuk lewat malam terutama pada hari cuti atau perayaan.

Selain dari itu, Negeri Kedah Darul Aman juga mempunyai lain-lain tempat yang menarik untuk dilawati. Tempat-tempat yang dimaksudkan itu ialah :

- ◆ Muzium Negeri Kedah
- ◆ Balai Seni Negeri Kedah
- ◆ Muzium Seni Diraja Kedah
- ◆ Masjid Zahir (Masjid Diraja)
- ◆ Pekan Rabu
- ◆ Bukit Kayu Hitam
- ◆ Padang Besar
- ◆ Langkawi
- ◆ Tanjung Dawai
- ◆ Gua Kelam
- ◆ Batu Pahat
- ◆ Lata Bukit Hijau
- ◆ Lata Bayu
- ◆ Gunung Jerai
- ◆ Tasik Pedu
- ◆ Pantai Merdeka

Sebagai rumusan dari penjelasan yang dipaparkan di atas, Negeri Kedah Darul Aman yang terletak di bahagian Utara Semenanjung Malaysia yakni terletak di antara negeri Perlis di sebelah utara dan negeri Perak di sebelah selatan mempunyai keluasan 9,425 km persegi dan jumlah populasi seramai 1.5 juta orang.

Selain dari itu, Negeri Kedah Darul Aman juga merupakan pengeluar padi utama Malaysia. Sawah padi yang dapat dilihat di Kedah telah menjadi simbol negerinya. Negeri Kedah Darul Aman terletak di bahagian barat laut Semenanjung Malaysia. Adalah agak kecil dengan keluasan 9, 425 kilometer persegi yang kebanyakannya ditanam dengan padi. Di negeri ini jugalah terletaknya Gunung Jerai yang tingginya 1,200 meter atas aras laut.

Berikut ini adalah tempat-tempat menarik yang terdapat di Negeri Kedah Darul Aman :

Muzium Negeri Kedah Darul Aman

Pada tanggal 3 Februari 1957, Yang Amat Berhormat Tan Sri Tunku Ismail bin Tunku Yahya (Tunku Indera Setia) Menteri Besar Kedah Darul Aman telah merasmikan Muzium Sejarah Negeri Kedah ini. Pada tahun 1961, Muzium Sejarah Negeri Kedah ini telah dipindahkan ke bangunan sekarang iaitu di Jalan Bakar Bata. Ianya merupakan sebuah khazanah warisan sejarah dan kebudayaan negeri yang tidak dapat ditukar ganti.

Lokasi : Jalan Bakar Bata.

Balai Seni Negeri

Bangunan ini asalnya dibina khas untuk Mahkamah Besar pada tahun 1912 dan dibuka dengan rasminya oleh Duli Yang Maha Mulia Almarhum Sultan Abdul Hamid Halim Shah, K.C.M.G. pada tahun 1923. Bangunan ini digunakan sebagai Pejabat Audit, Bendahari Negeri dan Pejabat Penasihat British. Kemudian bangunan ini dijadikan pula Pejabat Jabatan Kerja Raya dan Pejabat Parit dan Taliair sehingga bulan Disember tahun 1982. Pada 25 Julai, 1983 bangunan ini telah diistiharkan dengan rasminya sebagai Bangunan Balai Seni Negeri Kedah Darul Aman.

Lokasi : Medan Bandar, Alor Setar.

Muzium Diraja Kedah Darul Aman

Sejarah telah mencatatkan bahawa muzium ini asalnya adalah sebuah istana Sultan Kedah yang dikenali sebagai Kota Setar. Menurut catatan sejarah, bangunan ini telah dibina oleh Almarhum Sultan Muhammad Jiwa Zainal Abidin dalam tahun 1736. Istana ini dikenali sebagai Istana Pelamin selepas berlangsungnya perkahwinan 5 orang putera dan puteri baginda Sultan Abdul Hamid Halim Shah. Muzium ini dibuka dengan rasminya pada 25 Julai, 1983 oleh ke bawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah Ibni Almarhum Sultan Badlishah.

Lokasi : Medan Bandar, Alor Setar.

Balai Nobat

Bangunan Balai Nobat ini dibina pada tahun 1904 menggantikan Balai Nobat Lama. Tingginya adalah 40 kaki, dibina pada sekitar tahun 1860. Di sini disimpan alat-alat nobat dan dimainkan lagu nobat pada upacara-upacara yang tertentu. Nobat yang ada di Kedah dianggap paling tua dan bersejarah.

Lokasi : Medan Bandar, Alor Setar.



▲ *Bangunan bersejarah Balai Nobat dan para pemainnya*

Istana Spacendera

Menurut catatan sejarah, istana ini adalah istana yang dibina kepada isteri pertama Sultan Abdul Hamid Halim Shah. Ianya telah dibina sekitar tahun 1880 dan ditinggalkan selepas kemangkatan Spacendera pada 10 Februari 1907. Kerajaan telah membeli bangunan itu pada tahun 1922 dan dijadikan Sekolah Perempuan Kampung Baru. Pada tahun 1981, bangunan ini telah dijadikan Pejabat Pendidikan Cawangan.

Lokasi : Jalan Kampung Baru, Alor Setar.

Balai Besar

Menurut catatan sejarah Negeri Kedah Darul Aman, Balai Besar asalnya dibina dengan kayu iaitu pada tahun 1736 tetapi telah rosak kerana peperangan dan terbiar. Bangunan ini telah dirobuhkan dan dibina semula pada tahun 1904, iaitu pada zaman pemerintahan Sultan Abdul Hamid Halim Shah. Pada tahun 1958, Bangunan Balai Besar ditambah bahagian anjung kiri dan kanan sebelah belakang dan digunakan sebagai Balai Penghadapan dan Pusat Kegiatan Rasmi Negeri.

Lokasi : Medan Bandar, Alor Setar.



▲ Balai Besar atau Great Hall, Alor Setar mempunyai bumbung Perak

Menara Jam Besar

Menara ini dikatakan unik dan penuh kreativiti di mana ianya telah dibina semula pada tahun 1912. Daripada segi reka bentuknya terdapat dua unsur yang ditonjolkan iaitu:

Unsur Islam :

Ini dapat dilihat pada bahagian kubahnya berserta lambang bulan sabit yang biasanya dilihat pada masjid-masjid. Begitu juga ukiran yang terdapat di sekeliling menara.

Unsur Hindu :

Di bahagian bawah menara, ukirannya melambangkan unsur Hindu. Hakikat ini dapat dilihat dengan jelas terutamanya pada bahagian pintu masuknya.

Lokasi : Medan Bandar, Alor Setar.

Masjid Zahir

Masjid ini merupakan sebuah masjid yang sungguh unik, indah lagi mempersonakan. Reka bentuknya amat menarik dan ianya terletak berhadapan dengan Balai Nobat dan berhampiran pula dengan Balai Besar.

Menurut catatan sejarah, Masjid Zahir ini telah dibuka dengan rasminya oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan Abdul Hamid Halim Shah pada 15 Oktober 1915. Masjid ini mempunyai empat bentuk kubah. Pembinaan pintu gerbang yang juga mengekalkan bentuk 'arah'. Ini mewujudkan satu suasana yang lebih harmoni.

Lokasi : Persimpangan Jalan Kampung Perak dan Jalan Pekan Melayu

Istana Kuala Cegar

Istana ini adalah tempat persemayaman Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan ketika menjadi Raja Muda, tetapi kini dikhaskan untuk ketua negeri dan pembesar yang datang melawat.

Menurut catatan sejarah, pembinaannya dikatakan sezaman dengan pembinaan Balai Seni Negeri dan Muzium Diraja. Ia kemudiannya telah dipindahkan ke Istana di Anak Bukit. Istana tersebut merupakan singgahsana Sultan dan Sultanah Kedah bersemayam. Tetapi kini ia tidak digunakan lagi dan telah ditinggalkan begitu sahaja.

Istana Lama @ Istana Kuning

Rumah Kelahiran Datuk Seri Dr Mahathir

Siapakah yang akan menduga bahawa pada suatu hari nanti, dari rumah ini akan lahir seorang negawaran ulung iaitu Perdana Menteri Malaysia yang keempat?



Di sinilah segala-galanya bermula. Siapakah yang akan menduga. Di rumah ini, tercipta sejarah kelahiran seorang Perdana Menteri Malaysia yang kaya dengan wawasan, berpandangan jauh, pada 20 Disember 1925

Menurut catatan sejarah, rumah kayu beratap nipah ini telah dibeli oleh Mohammad Iskandar dari seorang penjual pada masa itu hendak mengahwinkan anaknya. Rumah ini telah dibina pada tahun 1900. Rumah ini ketika dibeli dahulu mempunyai satu bilik sahaja dan tidak berelektrik. Ia berlantaikan papan dan bahagian anjung bersilangkan kain putih. Mahathir telah dilahirkan di rumah ini pada 20 Disember 1925. Beliau tinggal di rumah ini sehingga berkahwin dan berpindah ke rumahnya sendiri di Titi Gajah. Walaupun begitu Mahathir sering berulang alik ke rumah ini berjumpa dengan ibunya.

Lokasi : Lorong Kilang Ais, Seberang Perak, Alor Setar.

Kota Kuala Kedah

Kota Kuala Kedah ini juga dikenali sebagai Kota Kuala Bahang. Menurut catatan sejarah Negeri Kedah, pintu besar Kota Kuala Kedah ini telah dibina oleh Sultan Abdullah pada tahun 1771 dan siap pada tahun 1780. Dalam tahun 1821 ia telah ditawan oleh orang Siam sehingga tahun 1842. Selepas ini Kota Kuala Bahang atau Kota Kuala Kedah ini tidak pernah menjadi medan pertempuran lagi.

Pejabat Pos Besar

Menurut sumber sejarah Negeri Kedah, Pejabat Pos Besar di Jalan Raja ini telah dibina pada tahun 1912 menggantikan pejabat pos dan telegraf yang telah dibina pada tahun 1899. Pada tahun 1994, Pejabat Pos Besar ini telah dipindahkan ke bangunan baru di Jalan Stadium dan bangunan ini telah dijadikan Pejabat Pos Cawangan.

Lokasi : Jalan Raja, Alor Setar.

Mahkamah Tinggi

Pada mulanya bangunan mahkamah ini ditempatkan di Bangunan Balai Seni Negeri. Tetapi pada tahun 1931 mahkamah ini telah dipindahkan ke bangunan sekarang. Menurut catatan sejarah, bangunan ini digunakan sebagai Pejabat Odit, Bendahari Negeri dan Pejabat Penasihat British pada suatu masa dahulu.

Lokasi : Di Persimpangan Jalan Putera.

Mahkamah Lama

Reka bentuk bangunan ini menunjukkan bahawa ia mendapat pengaruh seni bina Roman. Bentuk-bentuk 'pillar' dan pintu masuk yang berbentuk gerbang masih lagi terdapat di bangunan ini. Walau bagaimanapun sehingga ke hari ini bangunan ini didapati telah ditinggalkan begitu sahaja.

Lokasi : Jalan Pekan Melayu.

Wisma Negeri

Bangunan ini dahulunya merupakan nadi pentadbiran Kerajaan Negeri Kedah Darul Aman. Tetapi kini bangunan tersebut telah dijadikan Pejabat Tanah dan Galian Negeri Kedah. Dengan adanya bentuk-bentuk gerbang disetiap tingkat menjadikan bangunan ini kelihatan cantik.

Lokasi : Di Hadapan Menara Jam Besar, Alor Setar.

Wisma Darul Aman

Bangunan Wisma Darul Aman ini merupakan pusat dan nadi pentadbiran baru bagi Kerajaan Negeri Kedah Darul Aman. Ianya mula beroperasi pada 1 April 1993 dan telah dirasmikan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Kedah pada 15 April 1993. Ianya mengandungi 4 blok pejabat yang berangkai di mana :

- ◆ Blok A mengandungi 4 aras yang menempatkan Dewan Undangan Negeri, Pejabat KDYMM Tuanku Sultan dan DYTMM Raja Muda, Menteri Besar, Speaker dan Majlis Mesyuarat Kerajaan.
- ◆ Blok B dan C mengandungi 4 aras yang menempatkan pejabat pentadbiran seperti Unit Perancangan Ekonomi Negeri, Kemajuan Negeri, Urusetia Jawatankuasa Keselamatan, Setiausaha Kerajaan, Bilik Gerakan dan Bilik Mesyuarat.
- ◆ Blok D menempatkan ruang banquet dan serbaguna atau dikenali sebagai Dewan Seri Negeri.

Lokasi : 1 km daripada pusat bandar, Alor Setar.

Menara Jam Besar Sungai Petani

Menurut catatan sejarah, Menara Jam Besar Sungai Petani ini telah didirikan pada tahun 1936. Ketinggiannya ialah 121 kaki. Pada kemuncaknya terdapat sebuah kubah yang seakan-akan kubah masjid. Sejarah seterusnya mencatatkan bahawa terbinanya menara ini dikatakan lantaran hadiah dari Tawkey Lim Lean Teng kepada King George V dan Queen Mary sempena meraikan Jubli Perak.

Lokasi : Jalan Ibrahim, Sungai Petani.

Begitulah sedikit sebanyak tempat-tempat sejarah yang terdapat di Negeri Kedah Darul Aman. Sebenarnya masih banyak lagi tempat-tempat bersejarah yang terdapat di negeri ini namun melalui ruang yang sempit ini tentu sekali tidak wajar dimuatkan semuanya. Apa yang harus diakui seterusnya ialah Negeri Kedah Darul Aman adalah sebuah negeri yang telah dikenali sebagai Negeri Jelapang Padi. Hakikat ini adalah kerana statusnya yang menjadi pengeluar terbesar padi negara ini.

Walaupun kini Negeri Kedah Darul Aman telah berkembang pesat dan maju sebagai salah sebuah negeri perindustrian, tetapi kebanyakan kawasan di negeri ini masih lagi dikelilingi oleh bendang-bendang atau sawah-sawah padi yang membangkitkan satu pemandangan yang cukup memikat hati sesiapa sahaja yang memandangnya.

Sebagai salah satu destinasi utama pelancongan di sebelah utara Semenanjung Malaysia, Kedah menawarkan pelbagai tarikan yang mampu menawan hati sesiapa sahaja yang berkunjung ke negeri ini. Sebut sahaja, dari tarikan peninggalan sejarah sehinggalah keindahan semula jadi, Kedah adalah destinasi pilihan terbaik.

Selain kedudukannya sebagai antara pintu masuk utama negara ini di sebelah utara, ibu negerinya iaitu bandar Alor Setar sebenarnya adalah sebuah bandar yang berbaloi untuk dilawati apatah lagi dengan suasananya yang mendamaikan. Sesungguhnya bandar Alor Setar sememangnya mercu kebanggaan Malaysia di utara semenanjung.

LEMBAH BUJANG - Kunjungan anda ke negeri Kedah, dianggap tidak lengkap andai anda tidak mengetahui serba sedikit mengenai sejarah negeri ini dan salah satu tempat yang paling bersejarah di negeri ini ialah Lembah Bujang. Lembah Bujang terletak di bahagian selatan berhampiran dengan Gunung Jerai,

Lembah Bujang adalah tapak sejarah yang menyimpan peninggalan agama Buddha dan Hindu yang terawal di negara ini. Sebuah candi Hindu yang terbesar iaitu Candi Bukit Batu Pahat telah ditemui di Merbok dan kini kawasan tersebut telah dijadikan Taman Sejarah Lembah Bujang. Ibu Pejabat Taman Sejarah dan sebuah muzium arkeologi terletak di Merbok.

PULAU LANGKAWI - Sementara bagi para pelancong atau mereka yang menggemari percutian yang mendamaikan pula, Pulau Langkawi yang meliputi kawasan seluas 47,850 hektar adalah destinasi yang cukup ideal lagi mempersonakan.

Pulau Langkawi terletak di bahagian utara negeri Kedah, dan Pulau Langkawi adalah merupakan pulau terbesar di antara 104 buah pulau di negeri ini. Langkawi sendiri mempunyai 99 buah pulau tropika yang kaya dengan mitos dan legendanya yang tersendiri.

Jika Lembah Bujang diibaratkan tapak sejarah Negeri Kedah Darul Aman, sejarah Pulau Langkawi pula lebih tertumpu kepada Mahsuri iaitu seorang gadis yang menjadi mangsa fitnah bermukah dengan lelaki lain ketika suaminya keluar berdagang. Akibatnya Mahsuri telah dihukum bunuh, namun sebagai bukti dirinya tidak bersalah, Mahsuri telah menitiskan darah berwarna putih ketika hukuman bunuh dilakukan.



▲ Makam Mahsuri yang terdapat di Langkawi.

Sebelum meninggal dunia, Mahsuri bersumpah bahawa pulau tersebut akan menjadi 'padang jarak padang terkukur' untuk selama tujuh keturunan. Sama ada cerita mengenai Mahsuri ini benar atau rekaan semata-mata, apa yang pasti kerana cerita tersebutlah Pulau Langkawi dikenali sebagai Pulau Legenda.

Sejak diisytiharkan sebagai pulau bebas cukai, Pulau Langkawi semakin dikenali sehingga ke seluruh pelosok dunia apatah lagi dengan keindahan semula jadi pulau, pantai dan lautnya yang jernih. Antara tempat-tempat menarik yang perlu dilawati di pulau ini ialah Makam Mahsuri yang menjadi lambang kemasyhurannya, pantai yang menawan di Pantai Kok, Pantai Cenang, Pantai Tengah, Datai, Tanjung Rhu dan Burau Bay.

Selain dari itu, Pulau Langkawi juga turut menyediakan pelbagai daya tarikan serba moden kepada pengunjung, antaranya ialah Under Water World di Pantai Cenang, Dataran Helang iaitu mercu tanda terkenal bagi pulau ini, Aqua Beat iaitu taman tema dalam dewan yang



▲ Dataran Helang yang menjadi mercu tanda Pulau Langkawi



▲ *Under Water World yang menjadi tarikan pengunjung ke Langkawi.*

pertama di negara ini yang terletak di Kuala Muda serta pekan Kuah yang terkenal dengan kemudahan hotel moden serta pusat membeli belah. Barangan di sini dikatakan murah dan bermutu tinggi dan amat sesuai untuk dibeli oleh para pengunjung yang bertandang ke sini.

GUNUNG JERAI - Kajian geografi telah mencatatkan bahawa kemuncak tertinggi di negeri Kedah ini mempunyai ketinggian 1,200 meter dan boleh didaki sehingga ke puncak sama ada melalui jalan raya atau pun laluan dalam hutan yang telah disediakan khas untuk mereka yang lebih gemarkan pendakian yang mencabar.

Jika pengunjung ingin ke puncak dan bermalam di resort yang dibina di puncak gunung ini dengan memilih laluan dalam hutan, pastinya perjalanan itu tidak membosankan kerana sepanjang laluan yang disediakan, pengunjung boleh menikmati keindahan pelbagai jenis flora dan fauna seperti bunga orkid, pohon renek serta tumbuhan paku pakis.

Sementara dari puncak Gunung Jerai pula, pengunjung boleh menikmati keindahan pemandangan Negeri Kedah Darul Aman yang

terbentang luas terutama keindahan kehijauan sawah padinya yang meluas terbentang, saujana mata memandangi.

TASIK PEDU - Tasik Pedu adalah antara destinasi pelancongan yang terbaru di negara ini yang sesuai untuk pencinta alam sekitar, terutamanya penduduk bandar yang ingin lari daripada kesibukan dan kebisingan kota metropolitan. Tasik Pedu terletak kira-kira 90 km dari bandar Alor Setar. Untuk pengetahuan para pembaca, Tasik Pedu adalah tasik buatan manusia yang terbentuk hasil pembinaan salah sebuah empangan di negeri tersebut.

Bagi mereka yang menggemari sukan air seperti sukan luncur air dan jet ski, Tasik Pedu sememangnya destinasi yang paling sesuai untuk aktiviti sedemikian. Bagi pencinta alam sekitar pula, aktiviti treking di kawasan hutan hujan tropika di Tasik Pedu atau melihat burung serta berkhemah adalah aktiviti yang sesuai dilakukan.

Seperkara yang menarik mengenai Tasik Pedu ialah, di dalam hutan hujan tropikanya boleh ditemui pokok tualang yang dianggap antara pokok yang tertinggi di Asia Tenggara. Pokok ini menjadi tumpuan lebah madu untuk bersarang kerana strukturnya yang tinggi melangit yang menyukarkan musuh serangga ini mengganggu habitat mereka.

PERANGINAN BUKIT HIJAU, SIK dan LATA MENGKUANG - Ini antara tempat istirehat bersama seisi keluarga yang paling ideal lagi pilihan terbaik. Sesungguhnya, ketiga-tiga tempat ini merupakan antara kawasan peranginan yang paling popular di negeri Kedah. Terletak di sebelah tenggara Alor Setar, Peranginan Bukit Hijau di daerah Baling iaitu kira-kira 112 km dari Alor Setar terkenal dengan air terjunnya yang dikelilingi kawasan yang menghijau. Peranginan Sik dan Lata Mengkuang yang terletak di daerah Sik pula, merupakan destinasi bersantai, berekreasi dan berkhemah yang paling popular.

Sementara itu, di dalam soal membeli belah pula, berbanding negeri jirannya Perlis, Kedah menawarkan lebih banyak pusat beli belah moden serta pelbagai pilihan untuk membeli belah. Jika negeri Sabah terkenal dengan Pasar Tamu, Kedah juga memiliki tarikan sedemikian.

Pekan Rabu di Alor Setar yang merupakan sebuah pasar besar yang dibuka setiap hari adalah tempat di mana pelbagai barangan keluaran tempatan seperti produk hasil pertanian, kraftangan, juadah

tempatan, buah-buahan dan pelbagai lagi barangan dijual. Suatu ketika dulu Perdana Menteri Malaysia iaitu Datuk Seri Dr Mahathir Mohammad pernah menjadi seorang peniaga di sini. Dengan berkat usaha halal beliau, beliau telah ditakdirkan menjadi seorang Perdana Menteri yang mampu menyelami susah senang rakyat peniaga.

Sementara itu di utara negeri ini, terdapat sebuah pekan kecil yang begitu terkenal dengan kedai bebas cukainya iaitu Bukit Kayu Hitam. Bukit Kayu Hitam menawarkan pelbagai barangan yang dijual pada harga yang berpatutan lagi mampu menarik perhatian para pengunjung.

Namun destinasi beli belah yang paling popular di negeri ini sudah pastinya, Pulau Langkawi. Sebagai salah sebuah destinasi pelancongan dunia serta pulau bebas cukai yang terkemuka di negara ini, Pulau Langkawi menawarkan belian terbaik di kedai bebas cukainya terutamanya di Pekan Kuah. Pelbagai pilihan daripada barangan elektrik, minyak wangi serta pakaian, termasuklah kraftangan tempatan yang terkenal iaitu batu marmar Langkawi, ada dijual di sini.

Menara Alor Setar

Menara yang berdiri megah di bandar ibu Negeri Jelapang Padi yang indah ini menjadi tarikan utama pelancong di Kedah. Ia bukan seperti bangunan tradisional yang lain. Reka bentuknya mengikut cita rasa tradisional dan moden. Strukturnya berlandaskan ciri-ciri tradisional rumpun padi yang mempunyai fungsi dan keindahan yang tersendiri.

Tiang seri merupakan bahagian tengah yang paling kukuh dipacakkan ke atas bumi supaya ianya mampu menahan hentakan daripada tiupan angin dan unsur-unsur atau anasir-anasir alam yang lain juga sebagai lambang keteguhan rakyat Kedah. Serambi Menara pula merupakan bahagian menara yang membolehkan para pelawat menikmati panorama daripada puncaknya.

Fungsi utamanya ialah sebagai menara telekomunikasi yang bertujuan untuk operasi di kawasan Utara Malaysia. Menara Alor Setar atau lebih dikenali sebagai Menara Telekom dengan ketinggian 165.5 meter mempunyai dua unit lif dengan kelajuan 105 meter seminit mampu memuatkan 13 penumpang pada satu-satu masa.

Bagi setiap pelawat dikenakan sebanyak RM3.00 bagi dewasa, RM1.50 bagi pelajar sekolah dan RM1.00 bagi golongan kurang upaya. Waktu lawatan pula adalah dari jam 10.00 pagi sehingga 10.30 malam.

Lokasi : Jalan Kampung Baru, Alor Setar.

Baling

Baling mempunyai banyak kisah sejarah awal yang menarik. Seorang arkeologi yang bernama Colings telah menjumpai kapak dan beliong di gua-gua kapur iaitu Gua Debu dan Gua Kelawar di Gunung Baling. Tempat-tempat perlindungan dalam gua-gua yang didiami oleh orang-orang zaman batu juga dijumpai. Berdasarkan penemuan ini bererti penempatan awal di Baling sudah wujud sejak zaman neolitik (Zaman Batu Baru) lagi.

Baling mempunyai dua buah kisah sejarah awal yang menarik. Kedua-dua kisah ini adalah merupakan bahan cerita lisan yang telah diwarisi oleh masyarakat di beberapa daerah tertentu di Negeri Kedah Darul Aman. Kisah-kisah ini telah diceritakan turun temurun sejak dari dahulu lagi hinggalah ke beberapa generasi silih berganti terutamanya di dalam Daerah Baling ini sendiri.

KISAH PERTAMA

Di dalam *Hikayat Merong Maha Wangsa*, terdapat satu kisah RAJA BERSIONG. Nama sebenar Raja Bersiong ialah Raja Ong Maha Perita Deria yang memerintah Negeri Kedah sebelum bertapaknya agama Islam di negeri ini. Oleh kerana kezaliman pemerintahan baginda (baginda gemar memakan hati dan darah manusia) telah menyebabkan rakyat memberontak dan baginda pun melarikan diri. Kisah lanjut dan menarik waktu pelariannya tidak terdapat di dalam *Hikayat Merong Maha Wangsa* tetapi hanya berkembang melalui tradisi cerita lisan. Masyarakat di daerah Baling terutamanya telah mewarisi cerita lisan mengenai Kisah Raja Bersiong ini turun temurun sehinggalah sekarang.

Kisah seterusnya ialah bagaimana perkataan BALING ini diambil sempena peristiwa Raja Bersiong yang telah membaling siongnya. Menurut cerita orang-orang tua di daerah Baling, pada zaman dahulu, kononnya Raja Bersiong telah melarikan diri daripada istana apabila

berlakunya pemberontakan rakyat akibat kezaliman baginda. Di dalam pelariannya, baginda terpaksa berhenti di beberapa tempat kerana baginda sakit gigi atau siongnya.

Oleh kerana baginda tidak tertahan lagi menanggung sakit, baginda telah mengambil keputusan untuk mencabutnya. Perbuatan baginda memegang beberapa kali dan memulusnya telah mengambil masa yang agak lama melibatkan beberapa tempat persinggahan. Akhirnya setelah perjalanan baginda semakin jauh, usaha mencabut siongnya itu pun berjaya.

Baginda pun memegang siong yang telah dicabutnya itu dan membalingnya dengan sekuat hati. Selepas membaling siongnya itu, baginda pun merasa amat lega kerana tidak lagi merasai kesakitan. Mengambil sempena peristiwa baginda membaling siong itu, maka lahirlah perkataan BALING dan juga perkataan SIONG. Perkataan Baling ini menjadi sebutan generasi demi generasi sehinggalah nama tempat di mana Raja Bersiong membaling siongnya dikenali dengan nama daerah Baling. Ekoran dari peristiwa itu juga, masyarakat telah menamakan 2 buah mukim yang terdapat di dalam Daerah Baling ini sebagai MUKIM BALING dan MUKIM SIONG.

Menurut pendapat seorang penulis terkenal tanah air iaitu Encik Wan Shamsuddin bin Mohd Yusof, terdapat satu deretan di Negeri Kedah yang telah mengambil sempena pelarian Raja Bersiong iaitu termasuklah Kuala Ketil, Tawar, Kuala Pegang, Kupang, Pulai, Baling dan Siong. Ternyata nama-nama tempat yang disebutkan oleh penulis di atas adalah tempat-tempat yang terdapat di dalam daerah Baling.

KISAH KEDUA

Satu cerita lisan lagi yang terkenal terutama di kalangan penduduk daerah Baling ialah mengenai bagaimana wujudnya perkataan BALING. Dari cerita lisan yang diperolehi, perkataan BALING sebenarnya berasal daripada perkataan orang Siam (Thai) iaitu BAN LING yang bermaksud Kampung Kera.

Menurut cerita orang-orang tua yang ditemui, BALING asalnya ialah sebuah kampung yang terletak berdekatan dengan sebuah gunung di mana penduduknya terdiri daripada orang-orang Siam dan orang-orang Melayu. Bilangan rumah yang terdapat pada masa itu ialah lebih

kurang 235 buah sahaja iaitu 200 buah rumah orang Siam dan 35 buah rumah orang Melayu.

Kampung ini diperintah oleh seorang Penghulu Siam yang bernama Nai Sinou. Pekerjaan utama penduduk di sini ialah mengerjakan sawah dan bercucuk tanam. Mereka juga mempunyai dunsun buah-buahan seperti durian, manggis, langsung, rambutan, cempedak dan juga kebun kelapa. Pada masa itu, terdapat berpuluh-puluh ekor kera yang selalu datang memakan buah-buahan serta merosakkan apa sahaja tanaman penduduk.

Kumpulan kera ini dipercayai telah diketuai oleh seekor kera putih. Oleh kerana kampung ini kerap diganggu oleh kumpulan kera yang besar jumlahnya, penduduk kampung sentiasa berada di dalam keadaan gelisah. Ini adalah kerana kera-kera yang datang bukan sahaja memakan buah-buahan dan merosakkan tanaman mereka malah ianya sering mengganggu penduduk kampung terutamanya wanita dan kanak-kanak.

Untuk menghindarkan daripada serangan kera-kera ini Penghulu Nai Sinou telah mengambil keputusan mengadakan upacara pemujaan bersama-sama dengan penduduk kampung berketurunan Siam. Upacara pemujaan ini adalah bertujuan untuk menghalau kera-kera daripada mengganggu kampung ini. Selepas pemujaan itu, tidak ada lagi kera-kera yang datang mengganggu kampung tersebut. Maka kehidupan penduduk kampung itu terhindarlah daripada serangan kera-kera yang liar.

Mengambil sempena nama peristiwa serangan kera-kera ini, maka kampung ini pun disebut sebagai Kampung Kera iaitu BAN LING. Lama-kelamaan penduduk di sini hanya menyebut BALING sahaja.

Secara ringkasnya, tempat-tempat yang menarik di Negeri Kedah Darul Aman ini dapatlah dirumuskan sebagai berikut :

Lembah Bujang

Lembah bujang yang terkenal dalam sejarah terletak di Merbok merupakan tapak kaki Gunung Jerai. Lembah Bujang ini juga merupakan tapak arkeologi yang terkaya di Malaysia. Pencarian arkeologi tentang kerajaan lama Hindu-Buddha adalah dianggarkan seawal 300 Masehi.

Muzium Diraja

Walaupun hanya berusia 50 tahun, Muzium Diraja ini merupakan satu contoh yang baik untuk perwatakan ciptaan seni bina Thai. Ia menempatkan koleksi yang unik lagi bernilai tentang Kesultanan Kedah.

Muzium Arkeologi

Muzium arkeologi mempamerkan bahan besi, keranda batu, seramik, pasu dan sebagainya. Selain dari itu juga dijumpai di sini ialah candi yang dibina semasa kegemilangan Lembah Bujang. Muzium Arkeologi Lembah Bujang yang terletak di Merbok ini amat istimewa dan artifak kebudayaannya amat bernilai bagi negara.

Pengkalan Bayang Merbok dibuka setiap hari dari jam 9.30 pagi sehingga jam 5.00 petang.

Pekan Rabu

Pasar ini memanjangkan masa berniaga dari pagi sehingga tengah malam sepanjang minggu. Pelbagai kraftangan yang berwarna-warni boleh dibeli di sini. Ianya terletak berdekatan dengan pelbagai tempat yang bersejarah di bandar Alor Setar.



▲ Keindahan Pantai Merdeka ketika matahari terbenam di ufuk langit.

Gunung Jerai

Gunung Jerai dengan ketinggian 1,200 meter merupakan tapak yang tertinggi di kawasan utara Semenanjung Malaysia. Di kaki gunung ini terletak Lembah Bujang, merupakan Kerajaan awal Negeri Kedah. Puncak Gunung Jerai menawarkan pemandangan yang menakjubkan. Ianya boleh ditandangi dengan cara berkereta atau berjalan kaki melalui sebatang jalan ke puncaknya.

Pantai Merdeka

Terletak 60 km ke arah selatan dari bandar Alor Setar. Pantai sepanjang 1 km ini popular untuk berkelah, bermandi-manda, menyegarkan diri setelah seharian melawat di sekitar bandar atau mententeramkan fikiran pada hujung minggu. Pantai Merdeka juga menawarkan kemudahan untuk menyelam dan memancing.

Pulau Langkawi

Pulau Langkawi ialah satu resort destinasi yang terkenal di seluruh dunia. Satu tawaran istimewa boleh didapati di sini ketika membelah iaitu bebas cukai. Selain itu Pulau Langkawi yang terkenal dengan sejarahnya turut menjadi satu tempat yang menarik untuk dilawati dan sampling pantainya yang cantik dan begitu menawan sekali.

Sesungguhnya tidak dapat dinafikan bahawa Negeri Kedah Darul Aman ini memang terkenal dengan panggilan 'Negeri Jelapang Padi'. Dari sudut jauh mata memandangi, begitulah kelihatan dataran tanah bendang tanaman padi. Terletak di pantai barat, pulau legenda Pulau Langkawi adalah tarikan popular di kalangan para pelancong luar dan dalam negeri.

Walaupun negeri ini dipenuhi keindahan alam semula jadi seperti gunung-ganang dan pohon-pohon menghijau, sejarah telah mencatatkan bahawa Negeri Kedah Darul Aman ini juga memiliki kawasan purba bersejarah yang telah ditelan zaman seperti Lembah Bujang yang dipenuhi peninggalan purba daripada empayar Hindu pada Kurus Keenam. Seperti negeri-negeri lain, Negeri Kedah juga mempunyai budaya seperti lagu-lagu dan tarian tradisionalnya yang tersendiri.

Oleh kerana kedudukan Negeri Kedah yang berjiran dengan Negara Thai, maka kebanyakan nilai-nilai dalam tradisinya dipengaruhi



▲ Perdana Menteri bergambar kenangan di hadapan Dataran Helang.

diri negara diraja itu. Penduduk Negeri Kedah pula mempunyai ciri-ciri yang serupa daripada keturunan Siam dan Aceh di Indonesia. Mengikut rekod-rekod sejarah, Negeri Kedah Darul Aman ini pernah disebut-sebut oleh pengarang-pengarang China dan India seawal-awal abadun.

Jumlah penduduk di Negeri Kedah ialah 2.67 juta (mengikut pengiraan berakhir pada pertengahan tahun 1999), dan dijangka tumbuh kepada 2.73 juta pada 2000. Ekonomi Kedah berasaskan pertanian, dan negeri itu mengeluarkan separuh daripada keperluan beras Malaysia. Selain itu, Kedah juga turut menghasilkan jenis tanaman seperti tebu, buah-buahan dan getah.

Alor Setar iaitu bandar ibu negeri Kedah, adalah sebuah bandar moden yang berkembang maju di samping berdirinya bangunan-bangunan yang mengandungi seni bina cemerlang serta kaya dengan nilai-nilai sejarah. Kira-kira 30 kilometer nun jauh di luar pantai Negeri Kedah yakni di antara Lautan India dan Selat Melaka terletaknya gugusan kepulauan Langkawi yang belum tercemar dan didiami manusia. Pulau yang terbesar di kalangan gugusan pulau-pulau berdekatan itu ialah pulau yang dipenuhi legenda, kerana pada satu ketika dulunya cerita tentang seorang Puteri Melayu iaitu Mahsuri, memang telah diketahui ramai malah tersohor di seluruh nusantara.

Semasa Kerajaan Negeri yang diterajui Menteri Besar, Tan Sri Sanusi Junid, mereka telah merancang pelbagai program promosi bagi menarik pelawat ke Negeri Kedah Darul Aman. Di antara promosi yang dianggap aneh setakat ini ialah projek percubaan menanam padi di atas bumbung rumah di Pusat Bacaan Rakyat (PUBARA) di Datang Pahlawan, Jitra yang dikatakan sudah pun mendatangkan hasil. Enam petak yang ditanami padi jenis MR84 sejak Oktober 7, 1998 sudah menghasilkan beras seberat 50 kg.



▲ Keindahan pantai di Langkawi.

Seterusnya ialah Perkampungan Buku di Pulau Langkawi. Menurut catatan sejarah, sejumlah lima belas juta orang pembaca dan pencinta buku dari seluruh dunia sudah melawat perkampungan yang terletak di anak kaki Gunung Raya yang berdekatan sungai air jernih. Negeri Kedah Darul Aman adalah negeri yang dikira sesuai untuk tarikan pelaburan. Sebanyak 33 projek sejumlah RM678 juta telah diluluskan pada tempoh antara Januari hingga September 1998.

Daripada jumlah tersebut, 24 projek yang melibatkan RM468 juta datangnya dari negara Jepun, Taiwan, Amerika Syarikat dan Denmark. Projek-projek itu adalah dalam sektor elektronik, kimia, tekstil, kayu-kayan, logam dan minuman. Berdasarkan keyakinan yang ditunjukkan oleh para pelabur asing, maka Boeing, pembuat kapal terbang terkemuka di dunia, telah bercadang mengeluarkan bahan-bahan komposit penerbangan di negeri ini.

Selepas 30 tahun berada di Malaysia, Boeing, menerusi anak syarikatnya di sini iaitu Asian Composites Manufacturing Sdn. Bhd., (ACM) di Bukit Kayu Hitam, Kedah dijangka akan mengeluarkan bahan-bahan komposit menjelang tahun 2001 bagi tujuan eksport ke syarikat induknya di Seattle, Amerika.

Syarikat pengeluaran tersebut adalah projek kerjasama antara dua syarikat dari Amerika, iaitu Boeing Company dan Hexcel Corporation serta dua rakan kongsi tempatan iaitu Sime Darby Bhd dan Naluri Bhd (dahulunya dikenali sebagai Malaysia Helicopter Services) yang ditubuhkan pada tahun 1998, dan memperuntukkan pelaburan sebanyak RM150 juta pada peringkat permulaan.

Berbalik kita kepada Pulau Legenda - Pulau Langkawi. Sesungguhnya, Pulau Langkawi terdiri daripada kumpulan 99 buah pulau tropika yang terletak di luar pantai barat laut Semenanjung Malaysia dan jaraknya adalah 30 km dari Kuala Perlis dan 51 km dari Kuala Kedah. Pulau utama yang terletak dalam kepulauan ini dikenali sebagai Pulau Langkawi.

Pulau yang dikurniakan dengan kekayaan pusaka merangkumi terumbu legenda dan misteri dari cerita burung besar dan garuda, pahlawan gagah perkasa dan puteri kayangan serta peperangan dan percintaan. Sebagai salah sebuah pulau yang tercantik di dunia, pulau ini mempunyai ratusan gua yang dihiasi dengan ukiran semula jadi stalagmit dan stalaktit.

Pantai berpasir putih yang panjang bermandikan limpahan cahaya matahari sepanjang hari menjanjikan ketenangan yang lengkap. Air laut yang jernih mengelilingi kepulauan ini memberikan peluang untuk menjalankan aktiviti dan rekreasi air serta keindahan kehidupan marin.

Mahsuri dan Sumpahan Tujuh Keturunan

Menurut catatan sejarah silam, Mahsuri adalah anak perempuan kepada seorang pendatang Siam yang beragama Islam. Beliau telah dituduh melakukan perbuatan sumbang oleh ibu mertuanya sendiri. Ini semua disebabkan oleh kecantikan serta penghormatan yang dimiliki oleh Mahsuri. Akibatnya Mahsuri telah dihukum dengan hukuman mati. Senjata kepunyaan keluarganya sendiri telah digunakan untuk membunuhnya.

Namun begitu terdapat satu perkara aneh telah berlaku pada hari hukuman tersebut dijalankan di mana darah yang keluar dari badan Mahsuri dikatakan berwarna putih. Menurut fahaman masyarakat zaman tersebut, ini membuktikan tuduhan yang dilemparkan kepadanya adalah fitnah semata-mata. Pada saat-saat akhir kematiannya, Mahsuri telah bersumpah bahawa Langkawi akan menjadi kawasan yang mundur, padang jarak padang tekukur selama tujuh keturunan.

Kebenaran sumpah itu telah terbukti apabila Langkawi telah diserang oleh tentera Siam dan semua bekalan makanan dan tanaman telah dimusnahkan. Antara kebenaran legenda atau terbuktinya sumpahan tersebut, Langkawi hanya mula berkembang maju sekali lagi setelah tujuh keturunan hidup di dalam keperitan dan kepayahan.

Legenda Pulau Dayang Bunting

Legenda pada pulau ini penuh dengan misteri dan mitosnya yang tersendiri. Antaranya ialah air dari tasik pulau ini dipercayai dapat merawat kemandulan dengan meminum atau mandi dengannya. Terdapat banyak versi cerita rakyat tentang asal-usul tasik ini namun legenda Puteri Dayang Sari adalah cerita yang termasyhur.

Legenda Puteri Dayang Sari

Suatu ketika dahulu, tasik ini adalah salah satu tempat yang menjadi pilihan utama bagi Puteri Dayang Sari yakni seorang puteri dari kayangan, bermain dan bermandi-manda. Pada satu hari, seorang putera raja iaitu Putera Teja telah terserampak dengan Puteri Dayang Sari ini yang ketika itu sedang bermain dan mandi di dalam tasik tersebut.

Putera Teja terpegun dan terjeda sebaik sahaja melihat kecantikan yang dimiliki oleh puteri dari kayangan tersebut dan beliau dikatakan terus jatuh cinta. Lantaran itu, Putera Teja cuba memikat Puteri Dayang Sari dengan puisi serta lagu-lagu yang indah lagi merdu tetapi tidak berjaya.

Oleh kerana usahanya tidak berjaya, beliau telah berjumpa dengan seorang yang tahu cara-cara mahu memikat untuk mendapatkan nasihat demi merealisasikan hasratnya memenangi hati puteri tersebut.

Beliau telah disuruh membasuh mukanya dengan air mata puteri duyung. Apabila Putera Teja telah berbuat demikian Puteri Dayang Sari pun telah jatuh cinta dengan kekacakan yang dimiliki oleh Putera Teja. Selepas berkahwin, Puteri Dayang Sari telah mengandung.

Malangnya bayi yang dikandungnya itu telah mati ketika dilahirkan dan beliau merasakan perkahwinannya ini adalah merupakan satu tipu helah. Selepas mengkebumikan bayi tersebut di dalam tasik ini, Puteri Dayang Sari yang kononnya mempunyai penawar kemandulan telah kembali kekayangan dan tidak kembali lagi.

Misteri Telaga Tujuh

Telaga Tujuh atau *The Seven Wells* adalah satu rangkaian tujuh telaga semula jadi yang airnya mengalir dari tujuh mata air. Pada suatu ketika dulu kononnya dipercayai terdapat tujuh orang puteri dari kayangan yang sering mandi dan amat suka akan kesejukan air perigi ini. Terdapat seorang putera raja yang tinggal berhampiran dengan perigi ini dan beliau cuba untuk memikat serta mengahwini salah seorang puteri-puteri ini tetapi masih belum berjaya. Air telaga ini juga dipercayai mempunyai kuasa yang boleh menyembuhkan beberapa penyakit.

Legenda Mat Chinchang dan Mat Raya

Kononnya pada zaman dahulu, Mat Chinchang dan Mat Raya adalah di antara keluarga gergasi yang tinggal di pulau utama Pulau Langkawi. Disebabkan oleh saiz yang besar serta kekuatan tenaga yang dimiliki oleh mereka, bentuk muka bumi Langkawi telah berubah dengan begitu dramatik sekali.

Legenda mereka bermula kononnya apabila Mat Raya bercadang hendak mengadakan sebuah kenduri sempena pertunangan anak perempuannya dengan anak lelaki Mat Chinchang. Pada hari majlis itu berlangsung didapati anak lelaki Mat Chinchang telah berlagu sumbang dengan seorang dara dan ini telah mencetuskan kemarahan Mat Raya.

Akibatnya, persahabatan dua keluarga ini telah terputus dan wujud permusuhan yang hebat serta pertumpahan darah dan kehilangan nyawa. Pergaduhan dua keluarga ini kononnya telah mengubah kawasan di pulau utama ini di mana tempat cincin pertunangan itu jatuh selepas dicampak dinamakan Tanjung Cincin. Kawasan di mana peralatan memasak itu pecah dinamakan Kampung Belanga Pecah kuah yang mengalir itu dinamakan Pekan Kuah dan tempat di mana kuah itu meresap ke dalam tanah dinamakan Kisap serta kawasan Air Hangat yang mempunyai perigi air panas berasal dari bekas memasak air yang telah pecah bagi majlis tersebut.

Mat Raya dan Mat Chinchang pula kononnya telah bertukar menjadi gunung batu yang dikenali sebagai Gunung Raya dan Gunung Chinchang. Mat Sawar yang cuba menjadi orang tengah bagi menyelesaikan masalah pertelingkahan ini kononnya telah bertukar menjadi sebuah bukit yang menjadi pemisah kepada kedua gunung ini.

Taman Legenda Langkawi

Taman tema yang dikenali sebagai Legenda Langkawi On The Park ini telah dibina bagi mengembalikan kegemilangan sejarah Langkawi. Taman ini akan menghidupkan kembali peristiwa-peristiwa yang penuh misteri serta legenda yang penuh romantik yang menjadikan Langkawi sebagai Kepulauan Legenda.

Langkawi sebagai subjek utama kepada banyak sejarah dan legenda indah terdiri dari gugusan 99 buah pulau. Cerita dongeng

menyatakan Langkawi adalah tempat tinggal roh-roh manakala dalam *Hikayat Merong Maha Wangsa* yakni sebuah buku kesusasteraan klasik ada menceritakan bahawa Langkawi adalah tempat rehat burung Garuda.

Laksamana Cheng Ho dari China, di dalam pelayarannya ke Melaka dalam tahun 1406 mencatatkan Langkawi dalam peta pelayarannya sebagai Lung-Ya-Kian-Yi manakala dalam peta yang dihasilkan dalam abad ke-16 Langkawi dinamakan dengan menggunakan banyak nama seperti Langka, Langu, Langura, Langa dan Langapura.

Taman tema yang indah dan cantik ini mempunyai lagun air tawar buatan manusia yang merangkumi kawasan seluas 50 ekar yang dibina di atas tanah tebus guna. Aliran air yang jernih turun di tengah-tengah kawasan telah membahagikan kawasan berbukit di sebelah kiri dengan ukiran patung-patung legenda di sebelah kanan.

Keindahan Selat Melaka dapat dilihat dari kawasan bukit yang tinggi atau Galeri Perayaan (Celebration Gallery) manakala kecantikan kawasan laut dan pantai dapat dinikmati dari dua penghujung tanjung yang membentuk lagun di Pantai Legenda.

Sesungguhnya jika anda melangkah ke Legenda Langkawi, ianya pasti akan menjanjikan satu pengembaraan melalui sejarah dan pintu masa yang membawa anda ke zaman yang penuh dengan kemeriahan, kaya dengan legenda dan dongeng tempatan.

Makam Mahsuri atau Mahsuri Mausoleum

Makam Mahsuri terletak di sebuah kampung 12 km dari pekan Kuala. Makam ini adalah satu penghormatan kepada seorang wanita baik yang tinggal di pulau ini lebih 200 tahun lalu. Akibat daripada tuduhan perlakuan sumbang yang tidak berasas dan tidak terbukti, beliau telah dihukum bunuh dengan menggunakan keris hikmat keluarganya.

Tersebut dalam legenda, darah yang keluar dari tubuh beliau berwarna putih sebagai bukti kebenarannya dan pada saat akhir kematiannya, beliau telah bersumpah bahawa Pulau Langkawi akan mengalami mala petaka yang bertimpa-timpa dan tidak akan maju selama tujuh keturunan.

Makam asal Mahsuri ini telah dibina di atas inisiatif Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia yang pertama iaitu Allahyarham Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj. Persekitaran makam ini telah diperindahkan bagi mencerminkan kehidupan Mahsuri pada masa yang lampau.

Galeria Perdana

Galeria Perdana adalah aspirasi kepada Perdana Menteri Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad dan Yang Berbahagia Datin Seri Dr. Siti Hasmah Mohd Ali. Ianya telah dibina untuk mengumpul, mempamer serta berkongsi semua penghargaan cenderahati serta hadiah yang diberikan oleh pemimpin dunia kepada Perdana Menteri secara khasnya dan seluruh rakyat Malaysia amnya. Semua penghargaan ini diterima sepanjang masa beliau menjadi Perdana Menteri Malaysia.

Pekan Kuah

Pekan Kuah yang terletak di tenggara Pulau Langkawi adalah pusat pentadbiran dan merupakan pintu masuk kedatangan pelancong yang menggunakan perkhidmatan feri. Nama Kuah berasal dari satu cerita legenda yang membabitkan pertempuran dua gergasi di mana dalam pertempuran tersebut kononnya semua periuk belanga yang berisikan masakan untuk satu majlis pertunangan telah pecah dan diterbalikkan.

Tempat di mana kuah tersebut tumpah adalah di mana berdirinya pekan Kuah itu sekarang. Dari sebuah pekan kecil, kini Pekan Kuah telah menjadi pusat pentadbiran yang dipenuhi hotel-hotel moden dan kompleks membeli belah serta perniagaan. Namun begitu Pekan Kuah masih lagi bebas dari kesibukan dan kepadatan bandar raya moden. Dengan kemudahan bebas cukai, Pekan Kuah adalah pusat membeli belah dengan aneka pilihan yang tiada batasan.

Kampung Air Hangat

Telaga Air Hangat juga wujud akibat pergaduhan dua gergasi yang sama. Di antara pinggan mangkuk serta periuk belanga yang pecah terdapat beberapa bekas yang digunakan untuk memasak air panas. Tempat di mana tumpahnya air panas tersebut kononnya telah menghasilkan telaga air panas yang wujud sekarang.

Terletak di kawasan Telaga Air Panas seluas 4 ekar, terbi kompleks moden yang di dalamnya terdapat 3 tingkat pancutan air panas, mural lukisan tangan di atas batu sungai sepanjang 18 meter yang menceritakan legenda di sebalik kewujudan tempat ini, demonstrasi harian tentang kraftangan tempatan dan tarian kebudayaan serta ked

kedai yang menjual kraftangan. Terdapat juga kemudahan kedai makanan dan minuman yang menyediakan juadah tempatan di sini. Kompleks ini terletak hanya 14 kilometer dari Pekan Kuah.

Padang Mat Sirat

Padang Mat Sirat terletak 12 kilometer dari Pekan Kuah. Selepas kematian Mahsuri, Langkawi telah diserang oleh Angkatan Tentera Siam. Rakyat tempatan telah membakar semua beras mereka yang digunakan sebagai bekalan utama makanan bagi menghalang tentera Siam mendapat bekalan makanan tersebut.

Diceritakan, mereka telah menanam beras tersebut di dalam tanah sedalam 1 meter dan kesan beras terbakar tersebut masih lagi boleh dilihat sehingga sekarang, lebih-lebih lagi selepas hujan. Tempat di mana beras terbakar itu dapat dilihat dinamakan Beras Terbakar di mana kebanyakan orang percaya bahawa beras terbakar ini boleh mengubat beberapa jenis penyakit.

Telaga Tujuh

Telaga Tujuh terletak di bahagian Barat Laut Pulau Langkawi, 23 kilometer dari Pekan Kuah. Sesungguhnya Telaga Tujuh adalah keindahan dan keajaiban geografi di mana air terjun yang turun berasal dari tujuh punca air semula jadi yang berlainan.

Hutan hijau yang merimbun mengelilingi air terjun tersebut menambahkan lagi sentuhan kedamaian kepada keindahan alam semula jadinya. Legenda ada menyatakan bahawa tempat ini adalah tempat pari-pari bersiram dan bermain-main. Kehadiran mereka dapat dirasa dan dikesan melalui bau yang menggerbak menyenangkan ke seluruh kawasan sekitar.

Tanjung Rhu

Tanjung Rhu terletak di sebuah tanjung di utara Pulau Langkawi dan jaraknya 20 kilometer dari Pekan Kuah. Oleh kerana pantai ini dipenuhi dengan pohon-pohon rhu maka ia dinamakan Tanjung Rhu. Terdapat sebuah pulau yang terletak berhampiran pantai ini yang boleh ditandangi dengan menyeberangi kawasan air yang cetek.

Perjalanan menggunakan bot dari pulau ini, membawa kita ke satu tempat yang dinamakan Gua Cerita. Terdapat tulisan-tulisan lama yang masih tidak dapat ditafsirkan sepenuhnya menggambarkan misteri dan keasyikan legenda lama.

Pulau Dayang Bunting

Tasik Dayang Bunting terletak di sebuah pulau yang membawa nama yang sama iaitu Pulau Dayang Bunting. Pulau yang berukuran 800 x 350 meter ini adalah pulau yang terbesar di antara gugusan pulau-pulau di Langkawi.

Tasik Dayang Bunting ini dikelilingi dari setiap sudut oleh cerun curam yang ditumbuhi sepenuhnya oleh pokok-pokok dan dipisahkan dari laut oleh satu rekahan kecil melalui timbunan batu kapur. Struktur geografi yang membentuk bukit-bukau serta batu-batan di sekeliling tasik ini seolah-olah menggambarkan seorang wanita yang mengandung sedang tidur terbaring.

Namun begitu, tasik ini diberi nama sedemikian kerana mengambil kira satu legenda lama yang mengisahkan tentang perkahwinan seorang puteri kayangan dengan seorang putera raja kerajaan bumi. Anak yang lahir dari perkahwinan mereka ini telah mangkat selepas saja dia dilahirkan.

Oleh kerana puteri ini sangat sedih dan kecewa, beliau telah menyemadikan mayat anaknya ke dalam air tasik ini. Beliau telah meninggalkan bumi dan kembali pulang ke kayangan tetapi telah menjampi air tasik tersebut sebagai penawar kepada pasangan yang tidak dapat melahirkan anak. Dipercayai kononnya perempuan yang mandu akan dapat mengandungkan anak selepas mandi di tasik ini.

Pulau Singa Besar - Taman Hidupan Liar

Pulau Singa Besar terletak di selatan Pulau Langkawi yakni 11 kilometer dari Pekan Kuah dan mengambil masa 35 hingga 45 minit jika kita menggunakan bot. Binatang-binatang seperti monyet, kancil, iguana dan burung kakak tua adalah di antara fauna yang dibiarkan hidup bebas di kawasan lindungan binatang ini.

Untuk mengekalkan habitat asli kepada kumpulan binatang ini, tidak ada hotel atau chalet yang dibenarkan dibina di sini. Namun begitu, perkhemahan adalah dibenarkan dan peralatan perkhemahan boleh disewa dengan harga yang berpatutan.

Taman Marin Pulau Payar

Taman Marin Pulau Payar adalah gabungan empat (4) buah pulau yang telah dipilih untuk pemeliharaan kecantikan dan keaslian terumbu karang dan hidupan di sekitarnya. Terletak di lokasi yang menarik iaitu lebih kurang 3 jam perjalanan menaiki bot ke selatan Pulau Langkawi.

Walaupun tiada kemudahan hotel yang disediakan namun perkhemahan adalah dibenarkan dengan kelulusan bertulis dari Jabatan Perikanan Kedah di Alor Setar atau Ibu Pejabatnya di Kuala Lumpur.


Underwater World Langkawi

Taman ini adalah tempat pameran marin yang menggabungkan semua jenis ikan dan kehidupan laut dari alam air tawar serta air masin. Terletak di sebuah pantai yang cukup popular iaitu Pantai Cenang, kompleks pameran hidupan air yang baru ini menjadi tumpuan utama pelancong dan mempunyai tidak kurang dari 5,000 jenis kehidupan marin seperti jerung, ikan pari, kerapu dan penyu.

Di dalam kompleks ini juga terdapat kedai makanan segera, kedai membeli belah bebas cukai dan kedai yang menjual hasil perikanan kering seperti sirip jerung, sarang burung layang-layang, tiram dan siput lala.

Taman Buaya

Taman ini terletak di Kubang Badak, 32 kilometer dari Pekan Kuala, yang merangkumi kawasan seluas 20 ekar. Di taman ini terdapat lebih kurang 1,000 jenis spesies buaya. Di sini, pelawat boleh melihat serta mengambil gambar buaya serta aligator dengan jelas kerana semua binatang ini diletak dan dijaga di bawah satu persekitaran yang terkawal dan hampir menyamai habitat asal mereka.




▲ Antara tempat-tempat menarik di Pulau Langkawi.



▲ Antara tempat-tempat menarik di Pulau Langkawi.

Perjalanan ke Langkawi

Perjalanan melalui jalan raya dari Kuala Lumpur ke Kuala Kedah akan mengambil masa selama 6 hingga 7 jam manakala 8 jam dari Kuala Lumpur ke Kuala Perlis. Bagi mereka yang menggunakan kenderaan sendiri, tempat letak kereta untuk pelancong ada disediakan di Kuala Kedah dan Kuala Perlis. Selepas itu bolehlah mengambil feri ekspres ke Langkawi dan apabila tiba di sini, pengangkutan seperti bas



▲ Antara spesies buaya yang boleh dilihat di Taman Buaya.

teks dan kereta sewa telah tersedia di Jeti Pekan Kuah.

Perjalanan melalui udara pula boleh dibuat dengan kapal terbang sama ada dari KLIA atau dari mana-mana lapangan terbang di seluruh Malaysia. Lapangan Terbang Antarabangsa Langkawi di Padang Mat Sirat terletak 20 kilometer dari Pekan Kuah dan 14 kilometer dari rumah peranginan tepi pantai di Pantai Cenang. MAS dan Pelangi Air menjalankan perkhidmatan harian dari Kuala Lumpur ke Langkawi secara terus atau melalui Pulau Pinang.

Sementara perjalanan melalui kereta api juga dapat dilakukan. Ini adalah kerana Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) menyediakan perkhidmatan yang selesa serta murah dari Kuala Lumpur ke Alor Setar, Kedah dan Arau, Perlis. Dari Alor Setar atau Arau mereka bolehlah mengambil bas atau teksi ke Kuala Kedah atau Kuala Perlis dan dari situ perkhidmatan feri ke Langkawi telah disediakan.

Manakala perjalanan melalui feri juga menjadikan para pengunjung dapat sampai ke pulau legenda ini dengan tenang dan selamat. Perkhidmatan feri berjadual dari Tanah Besar (Kuala Kedah dan Kuala Perlis) ke Jeti Kuah di Langkawi ada disediakan.

Teknologi Kota Melayu

Dalam menyebut tentang tempat-tempat yang bersejarah di Negeri Darul Aman, tidak wajar rasanya kita melupakan tentang teknologi kota Melayu. Ini bersangkutan dengan Kota Kuala Kedah yang pada suatu ketika dahulu dikatakan pernah menjadi sebuah kubu pertahanan dari sebarang pencerobohan musuh. Sesungguhnya, kota atau kubu selalunya terdiri daripada tembok yang mengelilingi satu kawasan yang diduduki oleh tentera yang bertahan menangkis serangan musuh.

Sejarah telah mencatatkan bahawa kebanyakan kota atau kubu Melayu terletak di tepi sungai yang strategik. Begitu juga dengan Kota Kuala Kedah. Ini adalah kerana pada zaman dahulu sehinggalah kepada awal abad kedua-puluh ini, sungai merupakan saluran perhubungan yang utama. Melalui sungailah, hasil dalam negeri dibawa keluar dan hasil penting dari luar dibawa masuk dan sesiapa yang mengawal sungai ini melalui kota atau kubunya, berhak menuntut cukai laluan yang lumayan. Melalui sungai jugalah, musuh menyerang.

Istilah kota digunakan sekiranya di dalam lengkungan tembok terdapat istana raja atau rumah pembesar manakala istilah kubu digunakan sekiranya terdapat hanya tentera di dalamnya. Sejarah telah mencatatkan bahawa kota Melayu tertua yang diketahui ialah Kota Langkasuka di Kedah yang telah didirikan oleh Maharaja Derbar Raja pada awal abad ketujuh Masehi. Kota tersebut telah didirikan di Sik, Kedah.

Bentuk kota ini segi empat dan saiznya kira-kira 200 m x 100 m. Temboknya diperbuat daripada timbunan tanah sahaja setinggi 2 hing-

ga 3 meter. Kebanyakan kota atau kubu Melayu lain yang dibina hingga abad keempat-belas, menggunakan timbunan tanah setinggi 1.5 hingga 3 meter sebagai tembok dan mempunyai keluasan yang kira-kira sama dengan saiz kota Melayu awal ini. Kota dan kubu Melayu tidak mempunyai tembok yang tinggi seperti kota di Eropah yang mencapai berpuluh-puluh meter tingginya.

Dalam beberapa buah kota, tembok timbunan tanah ditambahkan pula dengan tembok pancang kayu setinggi 12 meter. Untuk menyukarkan lagi musuh menembusi tembok, beberapa buah kota seperti Kota Raja Bersiung mempunyai parit sedalam 3 meter dan selebar 5 meter di sekelilingnya. Berbanding dengan kota di Eropah, kota-kota Melayu jauh lebih kecil, lemah dan mudah digempur. Faktor ini mungkin merupakan antara sebab kekalahan yang dialami oleh tentera Melayu di tangan Portugis, Belanda dan Inggeris.

Menurut catatan sejarah, bentuk, saiz serta bahan binaan Kota Melaka tidak diketahui kerana pihak Portugis telah membina Kota Famosa yang menindih Kota Melaka yang lebih tua. Walau bagaimanapun, kira-kira 30 tahun selepas kejatuhan Melaka, Sultan Alauddin Ri'ayat Shah Kedua telah membina Kota Johor Lama. Kota ini mempunyai inti diperbuat daripada batu pejal sedalam 2 hingga 3 meter yang ditimbuni tanah. Di tebing sungai, terdapat tembok pancang kayu setinggi 12 meter.

Struktur Kota Melaka dijangka mempunyai struktur yang sama dengan Kota-kota di Johor yang lain seperti Kota Batu Sawar, Kota Seberang dan Kota Panchor mempunyai struktur, saiz dan tinggi tembok yang kira-kira sama dengan Kota Johor Lama.

Menurut catatan sejarah, Kota Kuala Kedah merupakan kota di Kedah yang penting pada abad ketujuh-belas dan kelapan-belas Masehi. Kota ini mula dibina pada sekitar tahun 1600 Masehi dan mungkin ketika itu mempunyai tembok timbunan tanah sahaja. Pada tahun 1771, Sultan Kedah telah mengupah tukang batu dari India untuk membina tembok batu bata. Ini merupakan penggunaan batu pertama dalam kota-kota Melayu.

Kota Kuala Selangor yang kini dikenali sebagai Kota Batu Malawati dimulakan sejak abad keenam-belas oleh pembesar dan

Melaka yang lari ketika Melaka tewas di tangan Portugis. Pada abad kelapan-belas, kota ini mempunyai tembok batu yang disusun dengan tanah liat. Pada abad kesembilan-belas, Kota Lukut mempunyai tembok yang diperbuat daripada batu merah, manakala Kota Raja Mahdi mempunyai tembok timbunan tanah dan pintu batu bata yang dilepa simen.

Pada akhir abad kesembilan-belas, Kota Long Jaafar dibina daripada batu, tanah dan batu bata manakala kota anaknya, Kota Ngah Ibrahim diperbuat daripada batu bata yang dilepa dengan simen.

Begitulah yang dapat dipaparkan berhubung dengan kota atau kubu yang didirikan oleh orang-orang Melayu khususnya pada zaman dahulu dalam usaha mereka menyekat kemarahan dan pencerobohan musuh. Kebijaksanaan pemikiran mereka walaupun tanpa bantuan teknologi moden seperti zaman sekarang tetapi hasilnya amat membanggakan di mana generasi hari ini masih mampu melihat kota atau kubu tersebut.

MAKLUMAT TAMBAHAN

Selain dari itu, sejarah juga telah mencatatkan bahawa zaman kolonialisme adalah zaman berlakunya eksploitasi kekayaan, penindasan bagi golongan yang terjajah dan konsep kebebasannya adalah dalam konteks pada orang putih atau *white man* sahaja. Sejarah seterusnya telah mencatatkan bahawa pengeksploitasian yang berlaku hanya menguntungkan pihak kolonial manakala bagi masyarakat setempat pula, ia terus di tahap lama malah kekuasaan orang-orang mereka semakin luak dan akhirnya lenyap terus dari kehidupan.

Para pengkaji sejarah telah mengatakan bahawa pengenalan satu sistem ekonomi baru seperti sistem ekonomi kapitalis telah menjerat masyarakat tempatan. Ini adalah disebabkan oleh kerana mereka kekurangan dalam pelbagai segi terutamanya kekurangan modal. Jadi, golongan seperti pelabur-pelabur Barat serta Cina berkuasa penuh dalam mengaut hasil kekayaan bumi Melayu. Sedangkan kaum peribumi kala itu masih dengan ekonomi tradisionalnya seperti mengeluarkan tanaman makanan seperti padi dan sebagainya. Hakikat ini secara tidak langsung telah memundur serta menjauhkan lagi rakyat peribumi dari arus pembangunan yang makin gesit berjalan pada masa itu.

Rakyat peribumi khususnya orang-orang Melayu pada masa itu dikatakan terus terperangkap di dalam kokon masa serta terpinggirkan manakala pihak kolonial serta kaum lain terus menikmati kekayaan dan tanah air ini. Penjajah terutamanya British amat pintar dalam soal mengeksploitasi rakyat peribumi. Sejarah telah mencatatkan bahawa sesungguhnya, kelicikan British telah berjaya mengekalkan orang Melayu di dalam masyarakat tradisionalnya. Di samping itu, orang-orang Melayu juga lebih menumpukan taat setia mereka kepada sultan serta tidak engkar atas segala kata putus yang dibuat oleh baginda. Golongan sultan dan pembesar pula telah digula-gulakan dengan elau dan ganjaran-ganjaran yang lumayan serta kedudukan yang selesa.

Sejarah seterusnya telah mencatatkan bahawa sikap raja dan pembesar-pembesar ini telah dikritik oleh Zaaba dengan berkata "Orang patut-patut (kaya-kaya, besar-besar, bijak-bijak) kita duduk bersenang-senang diri masing-masing dalam mahligainya dengan seriosa dan cukup puas hati pula, datang rasa hatinya dan sampai hatinya memandang anak-anak bangsa bergelumang dengan kehinaan dan kejatuhan kepada saf-saf yang jauh di belakang kaum penumpuan negeri."

Kritikan Zaaba ini sangat sinis kerana mendapati golongan ini langsung tidak menunjukkan minat atau sedikit pun rasa simpati terhadap ma dalam membantu memajukan pendidikan Melayu. Malah beliau berharap bukan sahaja akan memajukan pendidikan tetapi juga menjaga pelindung dalam kata erti yang sebenar.

Dalam keadaan inilah penting bagi kita melihat reaksi masyarakat tempatan terhadap pemerintahan kolonial British di Tanah Melayu dalam tahun 1900 hingga 1957 dan melihat peristiwa-peristiwa yang berlaku yang boleh membangkitkan reaksi orang-orang Melayu merupakan penyebab yang membawa kepada bangkitnya reaksi masyarakat tempatan ini.

Sejarah seterusnya telah mencatatkan bahawa pada tahun 1900 General W.H Treacher, sebagai seorang yang bertanggungjawab ke atas kegiatan pemerintahan kolonial British di Tanah Melayu pernah menyindir dengan kata-katanya bahawa orang Melayu telah diberikan segala-galanya yang mungkin seperti keselamatan, sistem hubungan perkhidmatan kesihatan, pelajaran dan lain-lain lagi.

Maka satu rungutan yang boleh mereka lakukan ialah British tidak memaksa mereka bekerja kuat. Kata-kata ini mungkin mudah diterima oleh kebanyakan pembaca dan begitu juga dengan pengkaji sejarah sendiri memandangkan kejayaan pihak British ini dalam mewujudkan jentera pentadbiran baru yang luas dan sistematik seiring dengan pembinaan struktur ekonomi yang berkesan.

Namun, satu penganalisan yang rasional yang juga berdasarkan fakta-fakta sejarah sezaman akan memaparkan hakikat kepalsuan yang terdapat dan ia diselindungi oleh sifat 'murah hati' kolonial ini.

Menurut catatan sejarah, penjajah British memang telah banyak melakukan perubahan dalam ekonomi di Tanah Melayu. Mereka telah



▲ *Beginilah keadaan hidup masyarakat zaman penjajah.*

memperkenalkan ekonomi kapitalis di samping pelajaran dan perkhidmatan kesihatan. Namun, sesetengah langkah yang dilakukan oleh British ini bolehlah dianggap sebagai 'melepas batuk di tangga' saja. Contohnya dalam ekonomi pertanian seperti padi. Akibat kurang mendapat sambutan dari petani kerana sistem pengairan yang buruk menyebabkan British terpaksa mengambil langkah-langkah yang lain bagi mengatasinya pula.

Antara langkah-langkah yang mereka laksanakan ialah memperbaiki pengeluaran makanan seperti memperbaiki sistem pengairan bantuan benih yang lebih baik, bantuan pinjaman kewangan dengan mengikat jamin, pengecualian dari cukai dan sebagainya. Dapatlah dilihat di sini bahawa pengeluaran hasil makanan seperti padi yang melibatkan orang Melayu tanpa melibatkan kaum-kaum lain membawa maksud British sendiri yang mahu menghalang atau menyekat orang orang Melayu daripada menceburi bidang ekonomi komersial yang lebih menguntungkan.

Segala usaha yang dilakukan oleh British ini jika dinilai dalam konteks masyarakat Melayu amnya, ternyata bahawa dakwaan banga yang dibuat oleh W.H Treacher pada tahun 1900 begitu menyimpan dari kebenaran sejarah. Pada hakikatnya, kemajuan yang terdapat dalam pembangunan ekonomi, pendidikan, dan perkhidmatan kesihatan telah dilaksanakan dalam rangka persediaan akan kemasukan penanaman modal Eropah yang dijangka akan bertambah pesat dalam dekad terawal abad-20.

Dasarnya, pemerintahan kolonial ini memandang pelajaran sebagai masalah pentadbiran dan bukan masalah pelajaran yang sebenar. Selaras dengan sikap ini kemudahan pelajaran yang disediakan telah dirangka secara sedar untuk memenuhi kehendak-kehendak tenaga kakitangan di peringkat kerajaan dan gedung-gedung peniaga Eropah yang akan berkembang pesat itu.

Inilah antara penyebabnya yang menimbulkan reaksi dari masyarakat tempatan kerana mereka menjadi terpinggir dari segi pembangunan ekonomi dan kemudahan-kemudahan infrastruktur yang lain. Masyarakat Melayu ini terperangkap di dalam kokon masa yang memang telah dirancang oleh British agar ia kekal dalam keadaan as-

nya tanpa menimbulkan sebarang masalah kepada kolonial British. Orang Melayu masih mengekalkan sistem sosial tradisi iaitu raja adalah segalanya dan perlu patuh kepada kata-katanya.

Sejarah juga telah mencatatkan bahawa pada awal abad 20 telah memperlihatkan pergerakan reformis Islam mula menyerapi mandala Tanah Melayu. Syeikh Al-Hadi kembali dari Cairo pada tahun 1904 dan telah menerbitkan *al-Imam* pada tahun 1906. Ia merupakan akhbar Melayu pertama yang mengandungi idea-idea perubahan sosial dan elemen-elemen politik. Pemikiran orang-orang Melayu mula berkembang dan mulai nampak dengan jelas apa yang berlaku di sekeliling mereka.

Malah muncul golongan yang kemudiannya bangun secara terang-terangan dan menulis secara berani serta mengkritik pihak raja dan pembesar-pembesar yang lebih mementingkan diri berbanding kepentingan masyarakat.

Kemenangan Islam pada masa lepas telah memberi sumber inspirasi kepada masyarakat Melayu ini dan memberi keyakinan baru. Lantas memasukkan diri mereka ke dalam orde pembangunan baru. Selain akhbar *al-Imam*, terdapat beberapa lagi akhbar seperti *Neracha*, *Warta Malaya*, *Al-Ikhwani*, *Saudara* dan lain-lain.

Namun, akhbar yang paling bermakna ialah akhbar yang diterbitkan di luar Tanah Melayu khususnya di Cairo dan Beirut seperti *Jeruan Azhar*, *Semangat Islam* dan *Pilipan Timur* dan ia telah diterbitkan dan dikeluarkan oleh pelajar-pelajar Melayu dan Indonesia di Universiti Al-Azhar. Ini disebabkan akhbar yang dicetak di luar Tanah Melayu bebas dari kawalan kerajaan penjajah ketika itu.

Para pengkaji sejarah mengatakan bahawa masyarakat mulai sedar dengan tersebarnya akhbar-akhbar ini dalam melihat terpinggarnya mereka berbanding kaum lain. Namun amat sukar untuk masyarakat ini berkembang seiring dengan kaum-kaum lain kerana kekurangan modal khususnya menghalang mereka dari sama-sama berjaya dalam ekonomi komersial dan ditambah pula kediaman mereka jauh di kawasan pedalaman dan tanah yang ada di tangan mereka hanya sesuai untuk mengeluarkan hasil tanaman makanan. Begitulah juga dengan pelajaran.

Lantaran hakikat ini, Pendita Zaaba telah mengemukakan satu pandangan kritis terhadap apa yang berlaku. Contoh yang jelas dikemukakan oleh beliau ialah tentang kelahiran 'tamadun' baru yang diikhtisarkan oleh pemerintahan British di Tanah Melayu. Orang Melayu telah disifatkan oleh Zaaba sebagai berterusan berada "jauh dari suara loceng" iaitu kekal dalam alam sekitar tradisi dan terpisah dan terafkir daripada menikmati sebarang pembangunan ekonomi kolonial di Tanah Melayu.

Rasa taat setia rakyat terhadap Raja-Raja Melayu juga sentiasa dipupuk supaya taraf sosial mereka sentiasa tinggi. British berusaha menanam bibit-bibit taat setia rakyat terhadap raja-raja ini melalui sistem pendidikan. Contohnya dari segi penggunaan buku-buku teks di sekolah Melayu yang terdiri daripada hikayat-hikayat Melayu lama seperti *Hikayat Hang Tuah*, *Hikayat Abdullah* dan *Kisah Pelayaran Abdullah*.

Zaaba mengatakan bahawa pembacaan ini banyak memaparkan tentang perkara-perkara ajaib dan beliau sendiri merasakan yang penggunaan buku-buku ini tidak akan meningkatkan minda dan pengetahuan anak-anak ini yang bersuaian dengan zaman tersebut. Kesedaran Zaaba inilah yang menyebabkan beliau menuduh kerajaan kolonial British sebagai berusaha secara sedar menanamkan bibit-bibit jiwa abdi kepada anak Melayu setelah tamat pendidikan mereka. Ini dipercayai akan menghalang kepada timbulnya kesedaran untuk bersatu dan menuntut hak untuk membebaskan tanah air mereka dan tentu berasa redha walaupun bangsa mereka berterusan dijajah.

Sikap Pendita Zaaba dalam melihat kepada anti-kolonial British ternyata dapat dilihat dari segi penglibatan dirinya secara serius dalam penulisan rencana untuk siaran di dalam akhbar-akhbar tempatan pada tahun 1917 lagi. Pihak kolonial sendiri telah menyedai akan hakikat tersebut malah pada tahun 1921, beliau telah dikenakan tindakan oleh pihak berkuasa. Ini termasuk amaran lisan oleh Raja Sir Chulan dan beliau telah dituduh cuba menghasut para pembaca akhbar dan majalah melalui tulisannya yang bersifat anti-kerajaan.

Menurut catatan sejarah, Raja Sir Chulan telah mengatakai "Mika (kamu) khabarnya selalu menulis di dalam surat khabar terutai di dalam surat khabar Melayu mengata-ngata kerajaan buat tak pa

begini-begini... Ini saya ingatkan, kalau mika selalu buat begitu, esok nanti kerajaan pandang tak betul sama mika. Tidak dapat naik gaji, tidak dapat jawatan. Barang kali dibuang terus.”

Sejarah seterusnya telah mencatatkan bahawa pada tahun-tahun 1920an dan 1930an merupakan zaman kebangkitan aktiviti-aktiviti nasionalis dan merupakan zaman radikal. Gerakan anti kolonial dan anti-feudal yang dilancarkan oleh Partai Nasional Indonesia di bawah Sukarno yang telah dibentuk pada tahun 1927 dikatakan telah menjadi satu dorongan atau pegangan bagi golongan berpendidikan di Tanah Melayu pada masa tersebut.

Pada tahun 1931, terdapat 2 jenis saluran dalam perkembangan politik orang-orang Melayu. Satunya adalah sayap kanan yang dipelopori oleh yang berpendidikan Inggeris pertengahan dan atasan di mana ideologinya berdasarkan *Malaya for the Malays*. Bagi golongan kiri, ia dipelopori oleh Ibrahim Yaakob. Idea ini disokong oleh kumpulan kapitalis feudal iaitu satu kumpulan yang melihat kepada kepentingan raja-raja dan golongan intelek.

Golongan ini merasakan terdapatnya saingan yang sengit dan penindasan dari golongan kolonis-kolonis dan borjois asing yang lain. Selain itu, kumpulan ini juga telah menganjurkan satu permintaan untuk kebebasan kepada semua masyarakat Malaya yang ditindas. Tindakan kumpulan ini dikatakan bertujuan untuk menyatukan semua orang Melayu dan Indonesia di kepulauan ini dan ia juga dikatakan sebagai asas kepada Bangsa Melayu.

Menurut catatan sejarah, Ibrahim Yaakob telah meninggalkan Maktab Perguruan Tanjung Malim dalam tahun 1931. Seterusnya beliau melibatkan diri dengan idea-idea politik. Penulisannya lebih memfokuskan kepada anti-kolonial secara umum dan anti-British khususnya. Beliau berkongsi pandangan dengan rakan seperjuangan seperti Ishak Haji Mohamad (iaitu seorang yang percaya bahawa British adalah bangsa yang tamak. Beliau mengecam sultan dan ketua-ketua Melayu kerana membenarkan diri mereka berada di bawah pegawai-pegawai British di Tanah Melayu.)

Bagi Ishak Haji Mohamad dan Ibrahim Yaakob, 'perlindungan' yang diberikan oleh kerajaan British ke atas Tanah Melayu hanyalah sebagai pencuci mata untuk melindungi niat sebenar mereka iaitu meng-

eksploitasi kekayaan yang terdapat di tanah ini. Ketua-ketua orang Melayu dan pemerintah Melayu telah diberi rasuah dengan pencen yang besar dan istana yang cantik, sementara orang-orang Melayu yang berpendidikan pula sibuk dengan rancangan bersama pegawai-pegawai British untuk mendapatkan tempat yang baik dalam perkhidmatan kerajaan.

Bagi kedua-dua tokoh ini, secara keseluruhannya kerajaan Britain tidak mempunyai sifat jujur. Walaupun polisi desentralisasi oleh Sir Cecil Clementi dalam tahun 1931 telah dibentuk oleh mereka, ia hanyalah sebagai salah satu percubaan Britain untuk *malayanise* orang-orang Melayu supaya golongan ini akan hilang semangat terutama dalam mempertahankan hak dan keistimewaan mereka. Malah Ishak Haji Mohamad juga telah menulis beberapa novel politik berbentuk sindiran dalam tahun 1937 dan 1938 yang mengecam kuat birokrasi British serta aristokrat Melayu. Sejarah telah mencatatkan bahawa akhirnya novel ini telah diharamkan oleh British.

Hakikat dapat dilihat dengan jelas pada reaksi orang Melayu yang amat menonjol ketika Malayan Union telah diumumkan. Pada masa ini dilihat adanya penyatuan bagi semua pihak. Jika sebelumnya semua pihak hanya berjuang mengikut negeri dan hanya memperjuangkan kepentingan mereka tetapi di dalam kes ini semua persatuan-persatuan negeri telah bergabung dan menunjukkan penentangan yang sama iaitu menentang Malayan Union. Akhbar dikatakan banyak memainkan peranan yang penting dalam penyatuan ini kerana pada masa tersebut, walaupun usaha penentangan mereka hebat tetapi usaha mereka tidak padu.

Contohnya, pada tanggal 20 November 1945, 8 buah persatuan Melayu Johor telah bergabung menjadi Liga Melayu Johor. Pada Januari 1946 pula, Gerakan Melayu Semenanjung telah ditubuhkan di bawah pimpinan Dato' Onn bin Jaafar. Pada tahun 1946, orang Melayu berusaha gigih untuk menghidupkan semula persatuan-persatuan lama dan menubuhkan persatuan baru untuk menentang Malayan Union. Sejarah telah mencatatkan bahawa dua perkara yang ditentang oleh orang Melayu ialah penghapusan kedaulatan Sultan Melayu dan pemberian hak kerakyatan melalui prinsip *jus soli*.

Kemarahan orang Melayu cagun mencuar terhadap Raja-Raja Melayu kerana kurang teliti lalu menerima Malayan Union. Perasat

marah ini dapat dilihat melalui tulisan-tulisan mereka di dalam akhbar dan ada yang telah menyuarakan kecaman mereka dalam bentuk syair seperti berikut:

Ampun Tuanku Duli Mahkota

Fikirlah kepada rakyat jelata

Teliti diperbaharui elok sekata

Supaya tidak putih mata

Jika lebih memandang dunia

Rakyat kelak teraniaya

Tuanku semayam di atas babaya

Hilang kelak taat setia

Sejarah seterusnya telah mencatatkan bahawa bermula dari pengumuman Malayan Unionlah yang membawa kepada keberanian semua pihak bangkit menentanginya. Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu pula dibentuk pada tahun 1948. Di sini, pertumbuhan parti mulai wujud dan kesedaran politik semakin kuat. Dapat juga dilihat di sini walaupun pembentukan Persekutuan Tanah Melayu dinyatakan oleh British sebagai memberi persediaan kepada masyarakat tempatan mentadbir sendiri negara mereka tetapi British masih lagi cuba melumpuhkan aktiviti-aktiviti gerakan anti-British pada masa tersebut.

Contohnya, cuba melumpuhkan Pertubuhan Parti Muslimin atau Hizbul Muslimin dalam memperjuangkan kemerdekaan bangsa Melayu. Dasar parti ini ialah memperjuangkan kemerdekaan bangsa Melayu yang berdaulat, mencipta masyarakat Melayu berasaskan agama Islam dan mewujudkan Tanah Melayu Darul Islam. Pemimpinnya iaitu Gostaz Abu Bakar al-Bakir telah ditangkap oleh British dalam usaha menghapuskan gerakan anti penjajahan.

Reaksi masyarakat tempatan terhadap pemeritahan kolonial British ini jelas dapat dilihat di sini terutamanya selepas tahun 1920an dan 1930an yang seterusnya membawa kepada kemunculan idea untuk memerintah sendiri Tanah Melayu dalam tahun 1940an dan seterusnya dalam tahun 1957 telah mencapai kemerdekaan. Namun, reaksi masyarakat Melayu juga turut dilihat dalam masalah perkauman kerana berlakunya pemberontakan Parti Komunis Malaya.

Sejarah telah mencatatkan bahawa dasar yang diamalkan oleh kolonial British dalam pentadbirannya telah menyebabkan kaum-kaum di Tanah Melayu tidak bersatu dan tidak seimbang. Contohnya, kaum Cina tinggal di bandar dan mendapat segala kemudahan yang disediakan oleh British manakala masyarakat Melayu terus terpinggir. Perbezaan taraf ekonomi yang tinggi antara kedua-dua kaum turut menimbulkan rasa tidak senang hati antara satu sama lain. Contohnya dalam tempoh keganasan komunis 1945-1946, pernah berlaku pergaduhan kaum di Batu Pahat, Sungai Manik dan Bekor. British pula cuba pura-pura menunjukkan sikap baiknya dengan menjadi penyelesaian kepada masalah ini padahal pihak kolonial inilah yang mewujudkan keadaan ini sama ianya disedari atau tidak.

Dalam awal kurun 20an didapati banyak berlaku perubahan dalam jiwa masyarakat Melayu. Orang-orang Melayu mulai sedar yang tanah tumpah darah mereka sedang dieksploitasi oleh kolonial dan mereka pula terpinggir dalam bersama-sama menikmati keuntungan. Akibat masih berpegang kuat kepada kehidupan tradisionalnya menyebabkan golongan ini tersisih.

Ditambah pula Raja-Raja Melayu serta pembesar-pembesarnya telah diberikan kedudukan selesa dengan elaun dan pencen masing-masing. Mereka telah diserapkan ke dalam sistem birokrasi kolonial yang akhirnya kekuasaan mereka adalah terhad. Malah Raja Melayu hanya berkuasa dalam adat dan istiadat Melayu sahaja manakala pentadbiran dan politiknya telah diuruskan oleh pihak British.

Para pengkaji sejarah mengatakan bahawa tindakan ini semua sengaja dirancang oleh British bagi membolehkan masyarakat Melayu tetap dengan kehidupan tradisionalnya dengan raja sebagai tempaan menumpang segala taat setia. Akibatnya, masyarakat Melayu telah ketinggalan dalam banyak aspek pembangunan di Tanah Melayu khususnya dalam ekonomi dan pendidikan yang mana semuanya lebih tertumpu di bandar.

Sejarah telah membuktikan bahawa ketika ini kemudahan dalam mendapatkan pelajaran Inggeris adalah sukar. Ini adalah kerana ramai masyarakat Melayu tinggal di luar bandar. Mereka bukan sahaja terpaksa menghadapi dan mengatasi prasangka sosio-agama yang negatif tetapi juga terpaksa menghadapi masalah dari segi pengangkutan dan

kenderaan yang terlalu sukar diperolehi ketika itu. Malay College Kuala Kangsar (sebelumnya dikenali Anglo Malay School) hanya mengeluarkan bilangan birokrat Melayu yang sangat sedikit berbanding dengan kehendak-kehendak tenaga manusia di dalam pentadbiran.

Sejarah negara seterusnya telah mencatatkan bahawa penentangan orang-orang Melayu telah bermula dari zaman Tok Janggut dan Dato' Maharajalela. Pada peringkat awalnya menampakkan penerusan sepanjang pemerintahan kolonial British. Di sini, dapatlah dikatakan bahawa tidak keterlaluan jika sesetengah penentangan yang dilakukan adalah kerana kepentingan individu khususnya dan umum amnya. Contohnya, dilihat dari penentangan yang dilakukan oleh Dato' Maharajalela. Dato' Maharajalela bangun menentang British apabila hak mengutip cukai yang sebelumnya dikendalikan olehnya telah diambil alih oleh British.

Begitu juga dengan Raja-Raja Melayu dan pembesar lainnya. Apabila Raja Melayu merasakan kedudukan mereka terganggu, mereka menggunakan daulat mereka dalam membolehkan rakyat memperjuangkan hak mereka. Jadi, reaksi masyarakat tempatan sepanjang tahun tempoh 1900 sehingga 1957 bolehlah dikatakan secara tidak langsung membawa kepada kemerdekaan bagi Tanah Melayu. Namun, penjajahan kolonial dalam diri masyarakat masih lagi ada walaupun telah lama mencapai kemerdekaan.

Keluarga Chaokunsaman

Lukman Iskandar ialah nama yang tidak asing lagi dalam perjuangan gerakan revolusi Patani. Beliau mempunyai seorang puteri yang bernama Puteri Dewiayu Chaukonsaman. Berdasarkan kepada nama ini, si puteri ini mewarisi darah kraton (istana), walaupun menurut ceritanya beliau tidak dibesarkan di istana.

Nama Chaokunsaman yang ada pada nama puteri tersebut bukanlah nama sebenar. Nama asalnya ialah Chaokunbara. Nama ini telah ditukar oleh Chaokunsaman sendiri dari Chaokunbara kepada Chaokunsaman. Chaokun di dalam Bahasa Thai bermaksud Tuanku di dalam Bahasa Melayu.

Riwayat telah mencatatkan bahawa sejarah bagi negeri-negeri di utara Tanah Melayu adalah komplikated dan kabur. Bahan-bahan

sejarah tidak mencukupi untuk dijadikan rujukan dan pedoman. Misalnya Langkasuka, berdasarkan *Hikayat Merong Mahawangsa* ialah nama Kedah Tua. Tetapi berdasarkan kepada pengakuan cendekiawan Patani, Langkasuka itu terletak di Patani. Bagaimanapun Langkasuka bukanlah entiti kepada sebuah bandar, melainkan identiti kepada sebuah pemerintahan.

Menurut Chaokunsaman, Langkasuka itu merangkumi Patani, Kedah, Setul dan selatan Thailand termasuk selatan Burma. Pusat pemerintahan Langkasuka terletak di Legor atau Nakorn Srithammarat, di dalam Bahasa Thai.

Menurut Chaokunsaman seterusnya, yang sebenarnya beliau ialah Chaokunsaman XIIIIV, keturunan raja-raja Langkasuka yang memerintah di Legor. Apabila Siam telah menawan Legor pada tahun 1680, Siam dikatakan telah menghapuskan pemerintahan beraja di Legor. Keturunan ini telah dinobatkan oleh Siam menjadi raja di Setul, sebuah negeri kecil yang menjadi *buffer state* di antara Siam dengan Melayu; bersemayam di Kuala Bara.

Lantaran itu raja di Kuala Bara terkenal dengan nama Chaokunbara Pakdee. Chaokunsaman X menjadi Chaokunbara Pakdee I di Kuala Bara. Kuala Bara menjadi pusat pemerintahan di bahagian barat daya (pantai barat Selatan Siam). Proses penaklukan Siam ke atas Tanah Melayu mengambil masa berabad lamanya. Sejarah juga telah mencatatkan bahawa Siam tidak menawan negeri-negeri Melayu sekali gus.

Penaklukan Siam dapatlah disimpulkan sama seperti proses pengambilan Sabah dan Sarawak oleh Malaya, atau sama seperti pengambilan Jawa ke atas Aceh dari tangan Belanda. Misalnya Patani diambil oleh Siam dari tangan Inggeris pada tahun 1946, walaupun Siam telah menakluki Patani pada tahun 1785. Sebelum itu, pada tahun 1640, Patani dan Legor pernah mengalahkan Siam di Ayuthaya.

Orang-orang Melayu sejak zaman dulu tidak pernah bersatu. Inilah yang membuka peluang kepada kaum penjajah menjajah dan menakluki negeri-negeri Melayu. Pembelotan, pengkhianatan dan rebutan kuasa menyebabkan negeri-negeri Melayu tewas di tangan musuh.

Contohnya ialah di Patani sendiri. Sewaktu Raja Patani sedang membuat persiapan berperang dengan Siam, Raja Jambu telah

menghulurkan tangan bersekongkol dengan Siam menyerang Patani. Raja Patani diusir dari buminya sendiri. Siam, juga tidak percaya kepada Raja Jambu dan tidak mengangkat Raja Jambu menjadi raja di Patani.

Situasi di Patani adalah sama saja walaupun berada dalam era yang berbeza. Yang menentang Siam tidak boleh pulang ke Patani; yang mengampu atau menyokong Siam diangkat menjadi orang atau pegawai besar. Melalui mereka inilah Siam masih boleh menjajah rakyat Patani.

Sejarah moden Siam bermula hampir sama dengan sejarah proklamasi Amerika Syarikat (1776) iaitu pada tahun 1781 apabila pemberontak membunuh raja gila mereka yang bernama Phaya Taksin. Rama Thibodi, seorang general di perbatasan Khmer atau Kemboja Siam. Di sinilah bermulanya dinasti Rama Chakri. Dengan kekuatan bala-tenteranya, Rama Thibodi telah menyerang semula Legor. Dari Legor, Rama Thibodi menyerang Gerbi, Terang, Setul, dan kemudiannya menyerang Kedah. Ekspedisi ini diteruskan ke atas Singgora, Phalung dan Patani.

Menurut catatan sejarah, pada zaman tersebut boleh dikatakan seluruh dunia berperang. Di tanah Hindustan, Empayar Mongol masih berdiri teguh tetapi beransur lemah terutama pada zaman pemerintahan Aurangzeb menjadi sultan (1776). Seluruh negara Arab berada di bawah kekuasaan Bani Othmaniyah, Turki. Sementara penjajah Inggeris, Sepanyol dan Belanda sudah mula bertapak di Asia Tenggara.

Menurut riwayat seterusnya, pada tahun 1991, Chaokunsaman telah memulakan rundingan sulit dengan pihak berkuasa Thailand termasuk Majlis Privi yang paling berpengaruh. Ada juga riwayat yang mengatakan bahawa Chaokunsaman telah mengadakan pertemuan sulit dengan Professor Preecha Bhuaorn, bekas Setiausaha Agong Parti Komunis Thailand, yang menjadi ahli Majlis Privi dan Penasihat kepada Paduka Srimaharaja Thailand.

Ketika berada di penjara ISA, Chaokunsaman pernah bergambar bersama Dr. Jeffrey Kitingan (Sabah) iaitu pada tahun 1993. Pada waktu itu Chaokunsaman atau Lukman Iskandar berpakaian lengkap dengan unifom seorang pegawai pasukan simpanan Malaysia berpangkat kolonel.

Kuala Bara Sebagai Pusat Pemerintahan

Kuala Bara adalah pusat pemerintahan bagi Setul Bembang Negara. Menurut Chaokunsaman, Setul berasal dari istilah Muang Santhorn. Nama ini diperkenalkan oleh Siam untuk menyebut daerah-daerah yang ditaklukinya pada tahun 1680. Daerah-daerah ini adalah milik Legor. Apabila Siam menghapuskan pemerintahan beraja di Legor, Raja terakhir Langkasuka yang bergelar Chaokunsaman XV telah dihantar menjadi raja di Setul, memakai gelaran Chaokunbara Pakdee I, dan bersemayam di Kuala Bara.

Pada tahun 1787, dua tahun selepas penaklukan ke atas Kedah dan Patani, Raja Rama I telah menghantar puteranya yang bernama Issara Santhorn menjadi wakil baginda di Setul. Kebetulan nama asal negeri Setul dan nama putera baginda Issara Santhorn, jadi Siam telah memanggilnya dengan nama Muang Santhorn.

Menurut catatan sejarah, Issara Santhorn telah berkahwin dengan puteri Chaokunbara Pakdee I yang bernama Phranang Chaokunbara. Mereka telah dikurniakan seorang putera yang bernama Putera Thap. Putera Thap juga dikenali dengan nama Phranang Klao.

Apabila Rama I meninggal dunia, Issara Santhorn telah dibawa kembali ke Bangkok dan di sana beliau telah ditabalkan sebagai Rama II bagi Dinasti Rama Chakri. Putera Thap ditabalkan menjadi Chaokunbara Pakdee II. Apabila Rama II meninggal dunia, Putera Thap atau Chaokunbara Pakdee II ini telah dimahkotakan pula sebagai Rama III.

Sementara Phranang Chaokunbara I iaitu isterinya telah dilantik menjadi Raja Perempuan Setul Bembang Negara atau Muang Santhorn. Putera Thap (Chaokunbara Pakdee II) selepas kematian isterinya melantik pula anak perempuannya sendiri menjadi raja di Setul dan beliau telah bergelar Phranang Chaokunbara II. Menurut sejarah, Phranang Chaokunbara II telah berkahwin dengan anak raja Nongchik yang bernama Chaokun Lah Raden Puteh.

Apabila Putera Thap meninggal dunia, penggantinya iaitu Mongkut telah menghapuskan perlantikan raja-raja Setul sebagai Chaokun. Sebaliknya Mongkut melantik Khaluwong atau Gabeno untuk menjadi ketua kerajaan di Setul. Mongkut telah digantikan oleh Chulalongkorn. Menurut catatan sejarah, Chulalongkorn ter

melakukan kezaliman ke atas orang-orang Setul. Pada tahun 1909, Chulalongkorn mengusir Phranang Chaokunbara dan suaminya keluar dari Setul atas alasan bersekongkol bersama wilayah-wilayah Patani, Kedah dan Mergui menentang Rama Chakri.

Akibat peristiwa tersebut, Phranang Chaokunbara II dengan suaminya yang bernama Chaokun Lah Raden Putih dari Nongchik telah melarikan diri ke Malaya. Putera lelaki mereka bernama Hussin. Putera Hussin sepatutnya diangkat menjadi Chaokunbara Pakdee III. Lantaran tersebut terpaksa lah Hussin menjalani kehidupannya sebagai seorang rakyat biasa.

Sejarah seterusnya mencatatkan bahawa Putera Hussin mempunyai seorang anak lelaki yang bernama Osman Thani. Osman Thani membuka sebuah pondok di Setul yakni di sebuah tempat yang bernama Teluk Serai, berdekatan dengan Kuala Bara. Di sinilah Lukman Iskandar atau Chaokunsaman dilahirkan.

Dalam salasilah Chaokunbara Pakdee - Putera Hussin ialah Chaokunbara Pakdee III, Osman Thani sebagai Chaokunbara Pakdee IV, dan Lukman Iskandar sebagai Chaokunbara Pakdee V. Manakala berdasarkan kepada keturunan Langkasuka, Chaokunbara Pakdee I ialah Chaokunsaman XV. Chaokunbara Pakdee II ialah Chaokunsaman XVI dan beliau juga menjadi Raja Siam bergelar Rama III. Rama III tidak mempunyai putera. Sebab itu selain dari melantik isterinya menjadi raja perempuan di Setul bergelar Phranang Cahokunbara I, dan kemudiannya digantikan oleh puterinya yang bergelar Phranang Chaokunbara II.

Menurut catatan sejarah silam, Negeri-Negeri Melayu, dalam banyak hikayat, pernah diperintah oleh raja-raja perempuan. Contohnya negeri Kedah, sewaktu Raja Bersiong melarikan diri, diperintah oleh Raja Perempuan atau Permaisurinya. Tun Teja dalam sejarah Melaka juga pernah bertindak sebagai raja perempuan ketika suaminya menjadi tidak upaya. Begitu juga dengan Patani yang mana Patani juga pernah diperintah oleh raja-raja perempuan dalam jarak waktu yang agak panjang.

Termasuklah juga dengan Setul. Menurut catatan sejarah, Setul juga diperintah oleh raja perempuan dalam dua era berturut-turut yang tinggalah dihapuskan sistem beraja di Setul oleh Chulalongkorn

(Rama V). Ketika ini Phranang Chaokunbara I tidak boleh lagi digelar Chaokunsaman XVII atau Phranang Chaokunbara II tidak boleh lagi diberi gelaran Chaokunsaman XVIII.

Lantaran tersebut, gelaran-gelaran ini jatuh kepada Putera Hussin sebagai Chaokunsaman XVII dan Osman Thani sebagai Chaokunsaman XVIII. Justeru itu, Lukman Iskandar ialah Chaokunsaman Pakdee ke XIX atau Chakunbara Pakdee V.

Sejarah seterusnya mencatatkan bahawa integrasi Siam dengan Setul atau Melayu terjadi sejak beberapa abad yang silam. Patani pernah menyerang dan menawan Ayutthaya iaitu pada tahun 1640. Patani juga pernah menawan Legor. Legor pun pernah menakluk dan menawan Patani. Legor pernah memerintah hingga ke selatan Semenanjung Tanah Melayu. Temasik diperintah oleh Tamuki iaitu anak Raja Legor yang menjadi menantu kepada Raja Patani (1401).

Anak raja Jawa iaitu Parameswara telah melarikan diri dari Majapahit ke Temasik. Menurut catatan sejarah, Parameswara telah membunuh Tamuki. Apabila Legor menghantar armada untuk menggempur Temasik, Parameswara telah lari dan membuka negeri di Melaka dan menukar nama beliau dari Parameswara kepada Megat Iskandar Shah.

Lantaran cerita yang dipaparkan di atas, Chaokunsaman merupakan seorang yang berdarjat tinggi di dalam kerajaan kesultanan atau raja Siam. Kalau beliau bukan dari keturunan keluarga baik-baik, Raja Siam tidak akan perintah panglima tentera menandatangani Perjanjian Damai dengan beliau. Perjanjian Damai ini telah ditandatangani oleh Chaokunsaman dengan Timbalan Panglima Tentera Bahagian Empat Angkatan Tentera Di Raja Thailand, Major Jendral Chalermpho Charoenyng. Perjanjian Damai ini telah ditandatangani di Hotel Perdana Kota Bharu, Kelantan, Malaysia pada tanggal 8 April 1995.

Terdahulu dari itu, panglima Chaokunsaman iaitu Cikgu Bakir telah menandatangani Perjanjian Damai dengan Tentera Bahagian Empat pada 28 April 1992 di Hotel Hilton Kuala Lumpur. Perjanjian perjanjian damai ini ditandatangani semata-mata kerana mahu menyelesaikan masalah-masalah berkaitan lima wilayah Patani dengan tuntutan minima yang dikenali dengan nama Tuntutan 22 Perkara.

Asal Usul Bahasa Melayu

Apabila kita ingin mengetahui asal usul sesuatu bahasa, kita perlu mengetahui asal bangsa yang menjadi penutur utama bahasa tersebut. Hal demikian ini adalah kerana bahasa itu dilahirkan oleh sesuatu masyarakat penggunaanya dan pengguna bahasa itu membawa bahasanya ke mana pun ia pergi. Demikianlah juga halnya dengan bahasa Melayu. Apabila kita ingin mengetahui asal usul bahasa Melayu, maka kita perlu menyusuraluri asal usul bangsa Melayu.

Walaupun sudah ada beberapa kajian dilakukan terhadap asal usul bangsa Melayu, tetapi kata sepakat para ahli belum dicapai. Setakat ini ada dua pandangan yang dikemukakan. Pandangan yang pertama menyatakan bahawa bangsa Melayu berasal dari utara (Asia Tengah) dan pandangan yang kedua menyatakan bahawa bangsa Melayu memang sudah sedia ada di Kepulauan Melayu atau Nusantara ini.

Sebagai perbandingan, kedua-dua pandangan tersebut diperlihatkan seperti yang berikut ini.

Berasal dari Asia Tengah

R.H. Geldern ialah seorang ahli prasejarah dan menjadi guru besar di Iranian Institute and School for Asiatic Studies telah membuat kajian tentang asal usul bangsa Melayu. Sarjana yang berasal dari Wien, Austria ini telah membuat kajian terhadap kapak tua (beliung batu). Beliau menemui kapak yang diperbuat daripada batu itu di sekitar hulu Sungai Brahmaputra, Irrawaddy, Salween, Yangtze, dan Hwang. Bentuk dan jenis kapak yang sama, beliau temui juga di beberapa tempat di kawasan Nusantara. Geldern berkesimpulan, tentulah kapak tua tersebut dibawa oleh orang Asia Tengah ke Kepulauan Melayu ini.

J.H.C. Kern ialah seorang ahli filologi Belanda yang pakar dalam bahasa Sanskrit dan pelbagai bahasa Austronesia yang lain telah membuat kajian berdasarkan beberapa perkataan yang digunakan sehari-hari terutama nama tumbuh-tumbuhan, haiwan, dan nama perahu. Beliau mendapati bahawa perkataan yang terdapat di Kepulauan Nusantara ini terdapat juga di Madagaskar, Filipina, Taiwan, dan beberapa buah pulau di Lautan Pasifik. Perkataan tersebut di antara lain ialah: padi, ubi, rotan, nyiur, pisang, pandan, dan ubi. Berdasarkan senarai perkataan yang dikajinya itu Kern berkesimpulan bahawa bahasa Melayu ini berasal daripada satu induk yang ada di Asia.

W. Marsden pula dalam kajiannya mendapati bahawa bahasa Melayu dan bahasa Polinesia (bahasa yang digunakan di beberapa buah pulau yang terdapat di Lautan Pasifik) merupakan bahasa yang serumpun. E. Aymonier dan A. Cabaton pula mendapati bahawa bahasa Campa serumpun dengan bahasa Polinesia, manakala Hamy berpendapat bahawa bahasa Melayu dan bahasa Campa merupakan warisan daripada bahasa Melayu Kontinental. Di samping keserumpunan bahasa, W. Humboldt dalam kajiannya mendapati bahawa bahasa Melayu (terutama bahasa Jawa) telah banyak menyerap bahasa Sanskrit yang berasal dari India.

J.R. Foster yang membuat kajiannya berdasarkan pembentukan kata berpendapat bahawa terdapat kesamaan pembentukan kata dalam bahasa Melayu dan bahasa Polinesia. Beliau berpendapat bahawa kedua-dua bahasa ini berasal daripada bahasa yang lebih tua yang dinamainya Melayu Polinesia Purba. Seorang ahli filologi bernama A.H. Keane pula berkesimpulan bahawa struktur bahasa Melayu serupa dengan bahasa yang terdapat di Kampuchea.

J.R. Logan yang membuat kajiannya berdasarkan adat resam suku bangsa mendapati bahawa ada persamaan adat resam kaum Melayu dengan adat resam suku Naga di Assam (di daerah Burma dan Tibet). Persamaan adat resam ini berkait rapat dengan bahasa yang mereka gunakan. Beliau mengambil kesimpulan bahawa bahasa Melayu tentulah berasal dari Asia. G.K. Nieman dan R.M. Clark yang juga membuat kajian mereka berdasarkan adat resam dan bahasa mendapati bahawa daratan Asia merupakan tanah asal nenek moyang bangsa Melayu.

Dua orang sarjana Melayu, iaitu Slametmuljana dan Asmah Haji Omar juga menyokong pendapat di atas. Slametmuljana yang membuat penyelidikannya berdasarkan perbandingan bahasa, sampai pada suatu kesimpulan bahawa bahasa Austronesia yang dalamnya termasuk bahasa Melayu, berasal dari Asia. Asmah Haji Omar membuat huraian yang lebih terperinci lagi.

Beliau berpendapat bahawa perpindahan orang Melayu dari daratan Asia ke Nusantara ini tidaklah sekaligus dan juga tidak melalui satu laluan. Ada yang melalui daratan, iaitu Tanah Semenanjung melalui Lautan Hindi dan ada pula yang melalui Lautan China.

Namun, beliau menolak pendapat yang mengatakan bahawa pada mulanya asal bahasa mereka satu dan perbezaan yang berlaku kemudian adalah kerana faktor geografi dan komunikasi. Dengan demikian, anggapan bahawa bahasa Melayu Moden merupakan perkembangan daripada bahasa Melayu Klasik, bahasa Melayu Klasik berasal daripada bahasa Melayu Kuno dan bahasa Melayu Kuno itu asalnya daripada bahasa Melayu Purba merupakan anggapan yang keliru.

Bahasa Melayu Moden berasal daripada bahasa Melayu Klasik dan bahasa Melayu Klasik berasal daripada bahasa Melayu Induk. Bahasa Melayu Induk berasal daripada bahasa Melayu Purba yang juga merupakan asal daripada bahasa Melayu Kuno. Ini juga membuktikan bahawa bahasa Melayu Moden bukanlah merupakan pengembangan daripada dialek Johor-Riau dan bahasa Melayu Moden tidak begitu rapat hubungannya dengan dialek yang lain (Da, Db, dan Dn). Dialek yang lain berasal daripada Melayu Induk manakala dialek Johor-Riau berasal daripada Melayu Klasik.

Berikut ini akan diperlihatkan cara perpindahan orang Melayu dari Asia Tengah tersebut.

(a) *Orang Negrito*

Menurut pendapat Asmah Haji Omar sebelum perpindahan penduduk dari Asia berlaku, Kepulauan Melayu (Nusantara) ini telah ada penghuninya yang kemudian dinamai sebagai penduduk asli. Ada ahli sejarah yang mengatakan bahawa mereka yang tinggal di Semenanjung Tanah Melayu ini dikenali sebagai orang Negrito. Orang Negrito ini diperkirakan telah ada sejak tahun 8000 SM (Sebelum Masihi).

Mereka tinggal di dalam gua dan mata pencarian mereka memburu binatang. Alat perburuan mereka diperbuat daripada batu dan zaman ini disebut sebagai Zaman Batu Pertengahan. Di Kedah sebagai contoh, pada tahun 5000 SM, iaitu pada Zaman Paleolit dan Mesolit, telah didiami oleh orang Austronesia yang menurunkan orang Negrito, Sakai, Semai, dan sebagainya.

(b) *Melayu-Proto*

Berdasarkan pendapat yang mengatakan bahawa orang Melayu ini berasal dari Asia Tengah, perpindahan tersebut (yang pertama) diperkirakan pada tahun 2500 SM. Mereka ini kemudian

dinamai sebagai Melayu-Proto. Peradaban orang Melayu-Proto ini lebih maju sedikit daripada orang Negrito. Orang Melayu-Proto telah pandai membuat alat bercucuk tanam, membuat barang pecah belah, dan alat perhiasan. Kehidupan mereka berpindah-randah. Zaman mereka ini dinamai Zaman Neolitik atau Zaman Batu Baru.

(c) *Melayu-Deutro*

Perpindahan penduduk yang kedua dari Asia yang dikatakan dari daerah Yunan diperkirakan berlaku pada tahun 1500 SM. Mereka dinamai Melayu-Deutro dan telah mempunyai peradaban yang lebih maju daripada Melayu-Proto. Melayu-Deutro telah mengenal kebudayaan logam. Mereka telah menggunakan alat perburuan dan pertanian daripada besi. Zaman mereka ini dinamai Zaman Logam. Mereka hidup di tepi pantai dan menyebarkan di seluruh Kepulauan Melayu ini.

Kedatangan orang Melayu-Deutro ini dengan sendirinya telah mengakibatkan perpindahan orang Melayu-Proto ke pedalaman sesuai dengan cara hidup mereka yang berpindah-randah. Berlainan dengan Melayu-Proto, Melayu-Deutro ini hidup secara berkelompok dan tinggal menetap di sesuatu tempat. Mereka yang tinggal di tepi pantai hidup sebagai nelayan dan sebahagian lagi mendirikan kampung berhampiran sungai dan lembah yang subur.

Hidup mereka sebagai petani dan berburu binatang. Orang Melayu-Deutro ini telah pandai bermasyarakat. Mereka biasanya memilih seorang ketua yang tugasnya sebagai ketua pemerintahan dan sekaligus ketua agama. Agama yang mereka anuti ketika itu ialah animisme.

Berasal dari Nusantara

Seorang sarjana Inggeris bernama J. Crawfurd telah membuat kajian perbandingan bahasa yang ada di Sumatera, Jawa, Kalimantan, dan kawasan Polinesia. Beliau berpendapat bahawa asal bahasa yang tersebar di Nusantara ini berasal daripada bahasa di Pulau Jawa (bahasa Jawa) dan bahasa yang berasal dari Pulau Sumatera (bahasa Melayu). Bahasa Jawa dan bahasa Melayulah yang merupakan induk bagi bahasa serumpun yang terdapat di Nusantara ini.

Sementara itu J. Crawfurd pula telah menambah hujahnya dengan bukti bahawa bangsa Melayu dan bangsa Jawa telah memiliki taraf kebudayaan yang tinggi dalam abad kesembilan belas. Taraf ini hanya dapat dicapai setelah mengalami perkembangan budaya beberapa abad lamanya. Beliau sampai pada satu kesimpulan bahawa:

- ◆ Orang Melayu itu tidak berasal dari mana-mana, tetapi malah merupakan induk yang menyebarkan ke tempat lain.
- ◆ Bahasa Jawa ialah bahasa tertua dan bahasa induk daripada bahasa yang lain.

K. Himly, yang mendasarkan kajiannya terhadap perbandingan bunyi dan bentuk kata bahasa Campa dan pelbagai bahasa di Asia Tenggara menyangkal pendapat yang mengatakan bahawa bahasa Melayu Polinesia scrumpun dengan bahasa Campa. Pendapat ini disokong oleh P.W. Schmidt yang membuat kajiannya berdasarkan struktur ayat dan perbendaharaan kata bahasa Campa dan Mon-Khmer. Beliau mendapati bahawa bahasa Melayu yang terdapat dalam kedua-dua bahasa di atas merupakan bahasa ambilan sahaja.

Sutan Takdir Alisjahbana, ketika menyampaikan Syarahan Umum di Universiti Sains Malaysia (Julai 1987) menggelar bangsa yang berkulit coklat yang hidup di Asia Tenggara, iaitu Thailand Selatan, Malaysia, Singapura, Indonesia, Brunei, dan Filipina Selatan sebagai bangsa Melayu yang berasal daripada rumpun bangsa yang satu. Mereka bukan sahaja mempunyai persamaan kulit bahkan persamaan bentuk dan anggota badan yang berbeza daripada bangsa Cina di sebelah timur dan bangsa India di sebelah barat.

Görs Keraf di dalam bukunya *Linguistik Bandingan Historis* (1984) mengemukakan teori Leksikostatistik dan teori Migrasi bagi mengkaji asal usul bangsa dan bahasa Melayu. Setelah mengemukakan kritikan tentang kelemahan pendapat terdahulu seperti: Reinhold Foster (1776), William Marsden (1843), John Crawfurd (1848), J.R. Logan (1848), A.H. Keane (1880), H.K. Kern (1889), Slametmuljana (1964), dan Dyen (1965) beliau mengambil kesimpulan bahawa "...negeri asal (darah air, *homeland*) nenek moyang bangsa Austronesia haruslah daerah Indonesia dan Filipina (termasuk daerah-daerah yang sekarang meru-
pakan laut dan selat), yang dulunya merupakan kesatuan geografis."

Pendapat lain yang tidak mengakui bahawa orang Melayu ini berasal dari daratan Asia mengatakan bahawa pada Zaman Kuarter atau Kala Wurn bermula dengan Zaman Ais Besar sekitar dua juta sehingga lima ratus ribu tahun yang lalu. Zaman ini berakhir dengan mencairnya ais secara perlahan-lahan dan air laut menggenangi dataran rendah. Dataran tinggi menjadi pulau. Ada pulau yang besar dan ada pulau yang kecil. Pemisahan di antara satu daratan dengan daratan yang lain berlaku juga kerana berlakunya letusan gunung berapi atau gempa bumi. Pada masa inilah Semenanjung Tanah Melayu berpisah dengan yang lain sehingga kemudian dikenali sebagai Pulau Sumatera, Pulau Jawa, Pulau Kalimantan, dan pulau lain di Indonesia.

Proto homonoid yang dianggap sebagai pramanusia dianggarkan sudah ada sejak satu juta tahun yang lalu dan ia berkembang secara evolusi. Namun, manusia yang sesungguhnya baru bermula sejak 44,000 tahun yang lalu dan manusia moden (*Homo sapiens sapiens*) muncul sekitar 11,000 tahun yang lalu.

Pada masa pramanusia dan manusia yang sesungguhnya di Asia Tenggara, Asia Timur, dan Australia telah ada manusia. Hal ini dibuktikan dengan ditemuinya *Homo soloensis* dan *Homo wajakensis* (Manusia Jawa = "Java Man") yang diperkirakan berusia satu juta tahun.

Pada masa ini wilayah tersebut didiami oleh tiga kelompok *Homo sapiens sapiens*, iaitu orang Negrito di sekitar Irian dan Melanesia, orang Kaukasus di Indonesia Timur, Sulawesi, dan Filipina, serta orang Mongoloid di sebelah utara dan barat laut Asia. Masing-masing bangsa ini berpisah dengan berlakunya pemisahan daratan. Mereka berpindah dengan cara yang perlahan.

Orang Kaukasus ada yang berpindah ke sebelah barat dan ada pula yang ke sebelah timur. Yang berpindah ke arah timur seperti ke Maluku, Flores, dan Sumba bercampur dengan orang Negrito. Yang berpindah ke arah barat mendiami Kalimantan, Aceh, Tapanuli, Nias, Riau, dan Lampung. Yang berpindah ke arah utara menjadi bangsa Khmer, Campa, Jari, Palaung, dan Wa.

Hukum Bunyi yang diperkenalkan oleh H.N. van der Tuuk dan diperluas oleh J.L.A. Brandes yang menghasilkan Hukum R-G-H dan Hukum R-D-L dikatakan oleh C.A. Mees bahawa: "Segala bahasa Austronesia itu, walaupun berbeza kerana pelbagai pengaruh dan sebab

yang telah disebut, memperlihatkan titik kesamaan yang banyak sekali, baik pada kata-kata yang sama, seperti mata, lima, telinga, dan sebagainya, mahupun pada sistem imbuhan, dan susunan tatabahasanya.”

Perbezaan yang besar seperti dalam bahasa Indo-Eropah, misalnya: antara bahasa Perancis dan Jerman, antara Sanskrit dan Inggeris, tidak ada pada bahasa-bahasa Austronesia. Apalagi Kata Dasar (terutama bahasa Melayu) tidak berubah dalam morfologi juga menunjukkan bahawa bahasa yang terdapat di Asia Selatan dan Tenggara berbeza dengan bahasa yang terdapat di Asia Tengah.

Kendatipun begitu, pendapat Geldern tentang kapak tua masih boleh diperdebatkan. Budaya kapak tua yang diperbuat daripada batu sebenarnya bukan hanya terdapat di Asia Tengah dan Nusantara. Budaya yang sama akan ditemui pada semua masyarakat primitif sama ada di Amerika dan juga di Eropah pada zaman tersebut.

Lagi pula, secara kebetulan Geldern membuat kajiannya bermula dari Asia kemudian ke Nusantara. Kesimpulan beliau tersebut mungkin akan lain sekiranya kajian itu bermula dari Nusantara, kemudian ke Asia Tengah.

Kajian Kern berdasarkan bukti Etnolinguistik memperlihatkan bahawa persamaan perkataan tersebut hanya terdapat di alam Nusantara dengan pengertian yang lebih luas dan perkataan tersebut tidak pula ditemui di daratan Asia Tengah. Ini menunjukkan bahawa menurut bahasa ini tentulah berpusat di tepi pantai yang strategik yang membuat mereka mudah membawa bahasa tersebut ke barat, iaitu Madagaskar dan ke timur hingga ke Pulau Easter di Lautan Pasifik.

Secara khusus, penyebaran bahasa Melayu itu dapat dilihat di sepanjang pantai timur Pulau Sumatera, di sepanjang pantai barat semenanjung Tanah Melayu; di Pulau Jawa terdapat dialek Jakarta (Melayu-Betawi), bahasa Melayu Kampung di Bali, bahasa Melayu di Kalimantan Barat, bahasa Melayu Banjar di Kalimantan Barat dan Sabah, Sarawak, dan bahasa Melayu di Pulau Seram.

Pendapat Marsden bahawa bahasa Melayu yang termasuk rumpun bahasa Nusantara serumpun dengan rumpun bahasa Austronesia, Melanesia, dan Polinesia dengan induknya bahasa Austronesia secara tidak langsung memperlihatkan adanya kekerabatan

dua bahasa tersebut yang tidak ditemui di Asia Tengah. Penyebaran bahasa Austronesia juga terlihat hanya bahagian pesisir pantai timur (Lautan Pasifik), pantai barat (Lautan Hindi), dan Selatan Asia (kawasan Nusantara) sahaja dan ia tidak masuk ke wilayah Asia Tengah.

Kesamaan pembentukan kata di antara bahasa Melayu dengan bahasa Polinesia yang dinyatakan oleh J.R. Foster dan kesamaan struktur bahasa Melayu dengan struktur bahasa Kampuchea juga memperlihatkan bahawa bahasa yang berada di Asia Selatan dan Asia Timur berbeza dengan bahasa yang berada di Asia Tengah. Jika kita lihat rajah kekeluargaan bahasa akan lebih nyata lagi bahawa bahasa di Asia Tengah berasal dari keluarga Sino-Tibet yang melahirkan bahasa Cina, Siam, Tibet, Miao, Yiu, dan Burma.

Berdekatan dengannya agak ke selatan sedikit ialah keluarga Dravida, iaitu: Telugu, Tamil, Malayalam, dan lain-lain. Kedua-dua keluarga bahasa ini berbeza dengan bahasa di bahagian Timur, Tenggara, dan Selatan Asia, iaitu keluarga Austronesia yang menurunkan empat kelompok besar, iaitu Nusantara, Melanesia, Mikronesia, dan Polinesia.

Jika ditinjau dari sudut ilmu kaji purba pula, penemuan tengkorak yang terdapat di Nusantara ini memberi petunjuk bahawa manusia telah lama ada di sini. Penemuan tersebut di antara lain ialah:

- ◆ Pithecanthropus Mojokerto (Jawa), yang kini berusia kira-kira 670,000 tahun.
- ◆ Pithecanthropus Trinil (Jawa), kira-kira 600,000 tahun.
- ◆ Manusia Wajak (Jawa), kira-kira 210,000 tahun.

Jika tiga fosil tersebut dibandingkan dengan fosil Manusia Peking atau Sinanthropus Pekinensis (China) yang hanya berusia kira-kira 550,000 tahun terlihat bahawa manusia purba lebih selesa hidup dan beranak-pinak berdekatan dengan Khatulistiwa. Hal ini diperkuat lagi dengan penemuan fosil tengkorak manusia yang terdapat di Afrika yang dinamai Zinjanthropus yang berusia 1,750,000 tahun.

Beberapa hujah ini menambah kukuh kesimpulan Gorys Ker di atas yang menyatakan bahawa nenek moyang bangsa Melayu ini tentulah sudah sedia ada di Kepulauan Melayu yang menggunakan bahasa

eluarga Nusantara. Masih ada soalan yang belum terjawab, iaitu jika betul bangsa Melayu ini sememangnya berasal dari Alam Melayu ini, ebelum itu dari manakah asal mereka? Pendapat orang Minangkabau di Sumatera Barat bahawa keturunan mereka ada hubungan dengan pengikut Nabi Nuh, iaitu bangsa Ark yang mendarat di muara Sungai Jambi dan Palembang semasa berlakunya banjir besar seperti yang diungkapkan oleh W. Marsden (1812) masih boleh dipertikaikan.

Yang agak berkemungkinan disusurgaluri ialah dari salasilah Nabi Nuh daripada tiga anaknya, iaitu Ham, Yafit, dan Sam. Dikatakan bahawa Ham berpindah ke Afrika yang keturunannya kemudian disebut Negro berkulit hitam, Yafit berpindah ke Eropah yang kemudian dikenali sebagai bangsa kulit putih, dan Sam tinggal di Asia menurunkan bangsa kulit kuning langsung.

Putera kepada Sam ialah Nabi Hud yang tinggal di negeri Ahqaf yang terletak di antara Yaman dan Oman. Mungkinkah keturunan Nabi Hud yang tinggal di tepi laut, yang sudah sedia jadi pelaut, menyebar ke Pulau Madagaskar di Lautan Hindi sehingga ke Hawaii di Lautan Pasifik lebih mempunyai kemungkinan menurunkan bangsa Melayu? Wallahualam.

Sumber, Rujukan & Bibliografi :

1. Balingnet
2. Nurul Akmal Iskandar atau Puteri Dewiayu Chaokunsaman - *The Story Of Chakunbara Pakdee Of Setul Bambang Negara.*
3. Mulia, T.S.G. dan Hidding, K.A.H. *Ensiklopedia Indonesia (F-M)*, 1955, halaman 592.
4. Safwan Fathy. *Kisah Dari Al-Quran*, 1988, passim., halaman 53-55.
5. Ibid, halaman 16, 28, 30, 31, 32.
6. Ryan. N.J., *Sejarah Semenanjung Tanah Melayu*, 1965, halaman 5-6.
7. Keraf, Gorys. op. cit., halaman 196-198.
8. Asmah Hj. Omar, passim., halaman 28-29 dan Slametmuljana.
9. Safioedin, Asis : *Tatabahasa Indonesia*, 1963, halaman 6.
10. Mulia, T.S.G. op. cit., halaman 778.
11. Slametmuljana, *Asal Bangsa dan Bahasa Nusantara*, 1975. passim., halaman 12-18.
12. Marsden, W. *A Grammar Of The Malayan Language*, 1812, halaman vi.
13. Keraf, Gorys. *Linguistik Bandingan Historis*, 1984. passim., halaman 184-201.
14. Passim., halaman 11-28.
15. Mees, C.A. *Ilmu Perbandingan Bahasa-Bahasa Austronesia*. 1967, halaman 2.
16. Asmah Hj. Omar, *Susur Galur Bahasa Melayu*, 1985, halaman 395.